BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

3 MALAYSIA MADANI: MENGGAPAI DI LANGIT, MENGAKAR DI BUMI

3 PENUNJUK PRESTASI UTAMA KERANGKA EKONOMI MADANI

5 TINJAUAN EKONOMI

6 KEDUDUKAN SEMASA BELANJAWAN 2026

16 PENGURUSAN EKONOMI

Sisipan 1.1 – Perjalanan Malaysia dalam Pembiayaan untuk Kemampanan

Rencana 1.1 – Memartabatkan Gaji dari Akar Umbi

34 INISIATIF STRATEGIK – BELANJAWAN 2027

Rencana 1.2 – Peranan Inisiatif Kerajaan dalam Menampan Peningkatan Kos Sara Hidup

43 KESIMPULAN

44 RUJUKAN

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Malaysia MADANI: Menggapai Di Langit, Mengakar Di Bumi


Setelah mempamerkan daya tahan yang teguh dalam mendepani pelbagai kejutan global sejak tiga tahun lalu, Malaysia kini menghasilkan pencapaian ketara seperti yang dibuktikan oleh kemajuan pelbagai inisiatif di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Konflik Rusia-Ukraine yang berterusan telah menyebabkan ketidaktentuan harga tenaga dan makanan manakala ketidakpastian dasar perdagangan terutamanya pengenaan tarif oleh Amerika Syarikat mewujudkan cabaran kepada ekonomi berorientasikan eksport. Konflik Asia Barat telah meningkatkan risiko geopolitik dan menjejaskan rantaian bekalan global. Walaupun berhadapan dengan tekanan tersebut, namun Malaysia kekal berdaya tahan melalui pengurusan ekonomi yang berhemat, pembaharuan strategik, kepelbagaian hubungan perdagangan, permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan keupayaan perniagaan untuk beradaptasi. Daya tahan ini mencerminkan keupayaan negara untuk mengharungi kejutan luaran yang berulang, mengekalkan kestabilan dan meneruskan pertumbuhan mampan di samping melindungi kesejahteraan isi rumah, memperkukuh perniagaan serta memelihara ruang fiskal bagi menangani cabaran mendatang.

Kerajaan terus melaksanakan langkah strategik di bawah Belanjawan 2026 yang bertujuan menyalurkan sumber bagi memperkukuh tadbir urus dan disiplin fiskal, memacu ekonomi bernilai tinggi dan berdaya tahan, memastikan pertumbuhan yang inklusif dan saksama serta memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dinikmati secara langsung oleh rakyat. Belanjawan ini memberikan tumpuan kepada sembilan langkah utama iaitu meluhur tatakelola terbaik; memenuhi keutamaan rakyat; menjuarai ekonomi bernilai tinggi; memacu produk 'Ciptaan Malaysia'; memperkukuh ketahanan negara; merapat kesenjangan, mencipta peluang; menjamin kelangsungan hidup rakyat; memperkasa perkhidmatan rakyat; serta membina jati diri, membangun nilai insani. Kerajaan akan terus mengurangkan kesan risiko luaran dan menyokong pertumbuhan mampan melalui penambahbaikan dasar dan tadbir urus institusi secara bersasar dengan memberikan penekanan kepada tonggak 'Menaikkan Siling' dan 'Menaikkan Lantai'.

Penunjuk Prestasi Utama Kerangka Ekonomi MADANI

Kerajaan kekal komited untuk memastikan pencapaian tujuh penunjuk prestasi utama (KPI) di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang merupakan tanda aras jangka masa sederhana bagi memacu transformasi ekonomi Malaysia. Penunjuk tersebut merangkumi kekuatan dan daya saing ekonomi, pembangunan modal insan, penyertaan wanita dalam pasaran buruh, pendapatan buruh, tadbir urus dan kemampanan fiskal. Malaysia terus mencatat kemajuan bagi KPI Ekonomi MADANI seperti dalam Rajah 1.1 sekali gus mencerminkan usaha berterusan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi serta memacu pertumbuhan yang inklusif, mampan dan bernilai tinggi.

RAJAH 1.1. *Pencapaian Tujuh Penunjuk Prestasi Utama*



¹Anggaran 2026

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Indeks Pembangunan Manusia, IMD World Competitiveness Ranking 2026, Transparency International dan World Bank

Saiz ekonomi Malaysia kini berada pada kedudukan ke-33 pada peringkat global sekali gus semakin menghampiri aspirasi untuk menjadi antara 30 ekonomi terbesar dunia. Pencapaian ini mencerminkan momentum pertumbuhan yang berterusan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan prestasi perdagangan luar yang memberangsangkan. Pembangunan berterusan industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (HGHV) dan industri strategik disokong oleh pelaburan dalam pembangunan modal insan, infrastruktur dan teknologi digital akan terus memperkukuh kapasiti ekonomi Malaysia.

Pencapaian daya saing Malaysia turut meningkat dengan ketara iaitu melonjak lapan anak tangga kepada kedudukan ke-15 daripada 70 ekonomi dalam International Institute for Management Development (IMD) World Competitiveness Ranking 2026. Kedudukan ini merupakan pencapaian terbaik Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan seterusnya menghampiri aspirasi untuk berada dalam kelompok 12 negara teratas dunia. Prestasi kukuh ini mencerminkan peningkatan menyeluruh dalam pencapaian ekonomi serta kecekapan kerajaan dan perniagaan. Usaha akan terus dipergiat untuk memperkukuh infrastruktur, memperkemas kawal selia dan meningkatkan kesiapsiagaan digital seterusnya memperteguh daya saing Malaysia pada peringkat global.

Bagi mengimbangi antara kesejahteraan rakyat dengan pembangunan ekonomi, Malaysia terus berusaha untuk menambah baik pendidikan, kesihatan dan taraf hidup wajar. Sehubungan dengan itu, Malaysia menyasarkan untuk meningkatkan kedudukan Indeks Pembangunan Manusia (HDI) daripada tangga ke-67 kepada kelompok 25 teratas pada peringkat global. Kerangka Ekonomi MADANI turut memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup isi rumah dengan menggalakkan lebih banyak penyertaan wanita dalam pasaran buruh bagi meningkatkan pendapatan dan jaminan ekonomi isi rumah. Sejajar dengan usaha ini, kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 56.6% dan kekal pada landasan untuk mencapai sasaran 60%.

Sementara itu, usaha meningkatkan bahagian pendapatan buruh daripada KDNK kekal menjadi keutamaan di bawah Kerangka ini. Pada 2025, pampasan pekerja (PP) mencatat 33.9% dengan tumpuan terus diberikan kepada usaha meningkatkan pertumbuhan gaji bagi mencapai sasaran PP sebanyak 45%. Bagi merapatkan jurang ini, Kerajaan akan terus meningkatkan produktiviti, memperkukuh mekanisme penetapan gaji serta menggalakkan pewujudan pekerjaan bergaji tinggi.

Dari segi tadbir urus, Malaysia mencatat skor 52 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2026 sekali gus meningkat tiga anak tangga kepada kedudukan ke-54 daripada 182 negara. Bagi mencapai aspirasi negara menjadi kelompok 25 teratas, Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, 2024 — 2028 (NACS) memberikan keutamaan kepada penambahbaikan tadbir urus sektor awam, ketelusan dan akauntabiliti. Inisiatif berterusan yang dilaksanakan termasuk memperkukuh amalan perolehan awam, menambah baik mekanisme pemantauan serta meningkatkan pengurusan integriti merentas institusi kerajaan. Pada masa yang sama, defisit fiskal Malaysia dijangka mengecil kepada 3.6% daripada KDNK pada 2026 iaitu menghampiri sasaran 3% atau lebih rendah. Pembaharuan fiskal yang berterusan bagi memperkukuh penjanaan hasil, mengoptimumkan perbelanjaan serta menambah baik penyasaran subsidi akan menyokong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Secara keseluruhan, pencapaian tujuh KPI tersebut mencerminkan kemajuan berterusan Malaysia ke arah merealisasikan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI. Kerajaan kekal komited untuk menterjemahkan pelaksanaan pembaharuan struktural kepada keberhasilan ekonomi dan sosial yang boleh diukur dan disokong oleh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026 — 2030 (RMK13).

Tinjauan Ekonomi

Ekonomi Global

Ekonomi global diunjur berkembang secara sederhana sebanyak 3% pada 2026 dan 3.4% pada 2027 (IMF, 2026) dipacu terutamanya oleh momentum permintaan yang semakin pesat dalam sektor teknologi global berikutan kemajuan kecerdasan buatan (AI). Prospek pertumbuhan adalah tidak sekata disebabkan oleh konflik Asia Barat yang terus memberikan tekanan kepada negara pengimport tenaga dan ekonomi yang mudah terjejas. Sementara itu, permintaan yang didorong oleh AI akan meningkatkan prospek negara yang berintegrasi dalam rantaian nilai teknologi global. Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka berkembang secara sederhana manakala pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) akan terus menjadi pemacu utama aktiviti ekonomi global. Perkembangan tersebut turut disokong oleh inflasi yang semakin mereda dan pelonggaran berperingkat dasar monetari sekali gus memberikan dorongan tambahan kepada aktiviti pelaburan dan perdagangan. Perdagangan global terus berdepan dengan fragmentasi yang semakin meningkat berikutan dasar melindungi kepentingan domestik terutamanya melalui tarif yang lebih tinggi sekali gus menjejaskan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Sebagai negara perdagangan, Malaysia perlu mengekalkan pertumbuhan ekonomi dengan terus mempelbagaikan pasaran eksport, memperkukuh integrasi serantau dan meningkatkan daya tahan rantaian bekalan di samping memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Ekonomi Domestik

Pada 2026, ekonomi dijangka berkembang antara 4.8% hingga 5.3% didorong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan

meskipun berdepan persekitaran luaran yang mencabar. Permintaan domestik kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan disokong oleh penggunaan swasta yang mampan, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan keyakinan pengguna yang berterusan. Sementara itu, aktiviti pelaburan dijangka memberangsangkan berikutan perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan pelaksanaan berterusan projek strategik. Dari sudut penawaran, pertumbuhan akan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan akan memperoleh manfaat daripada aktiviti berkaitan pelancongan yang mampan serta aliran dagangan yang kukuh di samping penerimagunaan teknologi digital, manakala sektor pembuatan akan dipacu oleh permintaan lebih kukuh terhadap produk E&E serta peluasan berterusan aktiviti bernilai tinggi.

Ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4.2% dan 5.2% pada 2027 disokong oleh permintaan domestik yang mampan, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, peningkatan pertumbuhan pendapatan serta aktiviti pelaburan yang kukuh. Penggunaan swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan didorong oleh peningkatan kuasa beli isi rumah serta pengembangan berterusan dalam sektor pelancongan, peruncitan, pengangkutan dan perkhidmatan lain seiring dengan kempen Melawat Malaysia 2026 — 2027. Aktiviti pelaburan dijangka kekal rancak susulan pelaksanaan pelaburan yang diluluskan serta inisiatif strategik di bawah RMK13, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR). Sektor perkhidmatan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan manakala sektor pembuatan akan mendapat manfaat daripada kitaran menaik teknologi dan peluasan aktiviti bernilai tinggi khususnya dalam industri semikonduktor dan E&E. Di samping itu, rantaian ekonomi domestik yang lebih teguh dan pelaburan berteraskan peningkatan produktiviti dijangka memperkukuh kapasiti produktif Malaysia seterusnya menyokong pertumbuhan yang lebih seimbang, inklusif dan mampan. Namun demikian, prospek pertumbuhan masih dipengaruhi oleh risiko luaran termasuk ketegangan geopolitik, peralihan dasar perdagangan antarabangsa dan volatiliti pasaran kewangan global.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari pada 2026 kekal menyokong pertumbuhan ekonomi secara mampan di samping mengekalkan kestabilan harga meskipun berdepan ketidaktentuan global. Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada kadar 2.75% sejak Julai 2025. Sistem perbankan terus mempunyai kedudukan modal yang teguh dengan kualiti aset yang baik dan penampan kecairan yang mencukupi. Ringgit secara amnya kekal stabil berbanding mata wang rakan dagang utama disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh serta momentum pertumbuhan yang mampan. Melangkah ke hadapan, pengantaraan kewangan akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong isi rumah dan perniagaan didorong oleh pasaran yang berfungsi dengan baik serta dasar berterusan untuk memperkukuh keterangkuman kewangan dan pembiayaan mampan. Pelan Sektor Kewangan 2027 — 2030 dan Pelan Induk Pasaran Modal 2026 — 2030 akan menyediakan panduan bagi pembangunan sektor kewangan fasa seterusnya melalui pembaharuan berterusan, penyertaan pelabur yang lebih meluas dan kepelbagaian sumber pembiayaan dijangka terus memperkukuh sistem kewangan.

Kedudukan Semasa Belanjawan 2026

Belanjawan 2026 kekal berteraskan tiga bidang keutamaan iaitu Memperkukuh Pentadbiran dan Tadbir Urus, 'Menaikkan Siling' untuk mempercepat penstrukturan ekonomi serta 'Menaikkan Lantai' untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi. Bagi menyokong keutamaan tersebut, Kerajaan memperuntukkan RM419.2 bilion di bawah

Belanjawan 2026 yang merangkumi RM338.2 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM81 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Tekad Satu: Meluhur Tatakelola Terbaik

Pelaksanaan langkah Belanjawan 2026 terus memperkukuh tatakelola dan keupayaan institusi menerusi program yang memberikan tumpuan kepada pengukuhan tanggungjawab fiskal dan kewangan awam. Langkah tersebut seterusnya dapat menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta memperkukuh tonggak institusi negara.

Usaha memperkukuh tatakelola fiskal memberikan tumpuan kepada penambahbaikan pentadbiran, pematuhan peraturan dan keupayaan penguatkuasaan cukai. Pelaksanaan e-Invois secara berterusan merupakan komponen utama dalam usaha Kerajaan mendigitalkan pentadbiran cukai. Sehingga akhir Ogos 2026, lebih 265,000 pembayar cukai telah mengemukakan e-Invois dan menjadikan jumlah kumulatif pengeluaran e-Invois melebihi 1.8 bilion sejak diperkenalkan.

Transformasi sektor awam terus menerima pakai perkhidmatan digital Kerajaan secara meluas bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) terus menangani proses birokrasi dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan manakala MyDigital ID dan GovTech Malaysia menyediakan infrastruktur digital bagi memudahkan akses yang lancar kepada perkhidmatan Kerajaan. Sehingga September 2026, MyDigital ID merekodkan 14 juta pengguna berdaftar di samping 203 perkhidmatan dalam talian Kerajaan Persekutuan dan negeri serta sektor swasta telah disepadukan dengan platform ini. Platform MyGOV Malaysia turut memperluas capaian dengan merekodkan lebih tiga juta pengguna sehingga Ogos 2026 serta menyediakan akses kepada 63 perkhidmatan merentas 25 agensi kerajaan dan 91 pihak berkuasa tempatan.

Langkah turut dilaksanakan bagi memperkukuh keberkesanan institusi dan tadbir urus yang melibatkan penyertaan khususnya melalui Parlimen dan libat urus antara parti politik. Belanjawan 2026 memperuntukkan RM20 juta bagi memperkukuh fungsi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan program pembangunan komuniti di bawah Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM). Fungsi pengawasan Parlimen terus diperkasakan melalui pemakluman awam secara meluas mengenai gerak kerja Jawatankuasa Pilihan Khas.

Tekad Dua: Memenuhi Keutamaan Rakyat

Rasionalisasi subsidi khususnya melalui program BUDI MADANI penting dalam membina asas fiskal yang lebih kukuh dan memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi di samping melindungi isi rumah mudah terjejas daripada peningkatan kos sara hidup. Susulan kejayaan pelaksanaan BUDI MADANI RON95 (BUDI95) di Semenanjung Malaysia, program ini diperluas dengan penyepaduan BUDI95 dan BUDI MADANI Diesel (BUDI Diesel) ke seluruh negara mulai 1 Julai 2026. Penambahbaikan mekanisme ini membolehkan pemegang MyKad yang layak membeli RON95 dan diesel pada harga bersubsidi. Sehingga akhir Ogos 2026, lebih 14.8 bilion liter RON95 telah dibeli pada harga bersubsidi dengan penyaluran subsidi sebanyak RM18 bilion. Sementara itu, lebih 130 juta liter diesel telah digunakan yang melibatkan peruntukan subsidi sekitar RM295 juta.

Ikhtiar MADANI Untuk Rakyat merupakan program untuk memperluas inisiatif berasaskan komuniti bagi meningkatkan keberhasilan sosioekonomi pada peringkat akar umbi. Inisiatif ini merangkumi peluasan Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI), Kampung Angkat MADANI, Sekolah Angkat MADANI dan Solar MADANI sekali gus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan terhadap pembangunan dipacu komuniti. Di bawah SejaTi MADANI, geran berjumlah RM8.5 juta telah diluluskan kepada 89 komuniti bagi melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan

termasuk pertanian dan perusahaan berskala kecil dengan inisiatif ini turut diperluas kepada golongan belia. Sementara itu, sebanyak 145 projek Kampung Angkat MADANI dan 151 inisiatif Sekolah Angkat MADANI telah diluluskan di samping perluasan Solar MADANI ke seluruh negara dan pengenalan Tuisyen MADANI secara percuma. Inisiatif tersebut turut disokong oleh Sejahtera MADANI yang menggembleng sumbangan sektor swasta melalui Tabung Kesejahteraan Rakyat bagi menyokong pembangunan komuniti. Sehingga akhir Ogos 2026, hampir RM78 juta berjaya dikumpulkan daripada syarikat tempatan.

Dalam menyampaikan perkhidmatan Kerajaan secara terus kepada komuniti luar bandar dan pedalaman, Kerajaan memperkenalkan Ikhtiar Perkhidmatan Bergerak MADANI sebagai program perkhidmatan bergerak bersasar yang merangkumi perkhidmatan kewangan, pendidikan, pentadbiran dan perundangan. Sejumlah RM11 juta disalurkan bagi Inisiatif Perbankan Bergerak yang melibatkan pengoperasian 36 unit merentas lapan negeri termasuk 23 unit di Sabah dan Sarawak. Selain itu, RM2.6 juta diperuntukkan bagi memperluas program Perkhidmatan Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) Jabatan Pendaftaran Negara termasuk penyediaan dua trak bergerak bagi memberikan perkhidmatan kepada komuniti luar bandar, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Inisiatif tersebut juga dilengkapi dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM27 juta bagi program jangkauan komuniti yang merangkumi klinik bergerak, perkhidmatan pemulihan komuniti dan program pembelajaran sepanjang hayat di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Sehingga Julai 2026, sebanyak 49 klinik bergerak telah dikendalikan oleh 10 institusi yang memanfaatkan lebih 5,700 penerima khususnya di kawasan luar bandar manakala 197 kursus pembelajaran sepanjang hayat telah mencatat penyertaan lebih daripada 18,000 peserta. Selain itu, kemudahan perkhidmatan bergerak turut disediakan melalui Mahkamah Buruh Bergerak dan Mahkamah Kanak-kanak Bergerak di seluruh negara bagi membantu menyelesaikan pertikaian di tempat kerja serta melindungi privasi dan kesejahteraan emosi mangsa dan saksi kanak-kanak dengan lebih baik.

Bagi mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak, Kerajaan terus menyokong pelaksanaan projek infrastruktur utama dalam sektor pengangkutan, tenaga dan bekalan air. Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah bernilai RM24.9 bilion yang merangkumi Fasa 1A bernilai RM10.9 bilion dan Fasa 1B bernilai RM14 bilion terus menunjukkan kemajuan dengan Fasa 1A mencatat tahap kemajuan 89% dan Fasa 1B mencapai 37.6% sehingga akhir Ogos 2026. Fasa 1A dijangka siap pada 2028 manakala Fasa 1B pada 2030. Sementara itu, jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 740 kilometer telah mencapai kemajuan 99.9% sehingga akhir Ogos 2026. Selain itu, projek Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) bernilai RM8.8 bilion yang menghubungkan negeri tersebut tanpa melalui sempadan antarabangsa turut menunjukkan kemajuan pelaksanaan dengan Fasa 1 dijangka siap pada 2027 dan Fasa 2 pada 2030.

Projek infrastruktur tenaga turut menunjukkan kemajuan dengan RM1.9 bilion telah diperuntukkan bagi 18 projek yang bertujuan meningkatkan keupayaan dan kebolehpercayaan sistem penghantaran dan pembahagian elektrik di Sabah dan Labuan. Sehingga Ogos 2026, dua projek telah siap manakala baki projek masih dalam proses pelaksanaan.

Tekad Tiga: Menjuarai Ekonomi Bernilai Tinggi

Belanjawan 2026 terus memacu aspirasi Malaysia untuk mencapai status ekonomi bernilai tinggi dengan menarik pelaburan berkualiti, memperkukuh hubungan serantau, membangunkan bakat tempatan dan memperluas ekonomi Islam. Di bawah Kerangka Insentif Baharu (NIF) yang diperkenalkan pada 1 Mac 2026, dasar

pelaburan kini dihubungkaitkan dengan kualiti pekerjaan, pemindahan teknologi, rantaian bekalan domestik dan kelestarian. Pada separuh pertama 2026, pelaburan diluluskan meningkat kepada RM218.5 bilion yang merangkumi lebih 2,700 projek dan berpotensi mewujudkan lebih kurang 99,000 pekerjaan. Sektor pembuatan menerima bahagian pelaburan yang besar khususnya industri E&E yang berjumlah RM16.6 bilion. Sementara itu, bilangan projek pembuatan yang diluluskan meningkat kepada 88.2% yang mencerminkan perkembangan rancak sektor ini.

Penekanan lebih besar juga diberikan untuk menyokong perniagaan yang sedang berkembang melalui Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) dengan memperluas Skim Keterjaminan Makanan kepada syarikat pemula agri-teknologi. Inisiatif baharu turut diperkenalkan iaitu Insentif Perkongsian Keuntungan Modal Teroka/Ekuiti Persendirian (VC/PE) dan Skim Ekonomi Perak yang mula beroperasi pada Mac 2026. Dari Januari hingga Julai 2026, MyCIF merekodkan pelaburan bersama berjumlah RM183 juta manakala dua urus niaga perniagaan tani huluan telah diluluskan di bawah Skim Keterjaminan Makanan yang telah ditambah baik. Insentif Perkongsian Keuntungan VC/PE dan Skim Ekonomi Perak masih berada pada peringkat awal pelaksanaan.

Bagi memperkukuh ekosistem syarikat pemula, Kerajaan memudah cara pertumbuhan syarikat pemula dalam ekonomi bernilai tinggi melalui pelbagai program termasuk Dana Perintis dan Jelawang Capital Khazanah serta dana di bawah program Cradle Fund seperti Bengkel Inovasi GLC 2.0 (BIG 2.0). Sehingga akhir Ogos 2026, sekitar 88% daripada RM6.9 juta yang diperuntukkan kepada BIG 2.0 telah disalurkan kepada syarikat yang diluluskan.

Selain itu, daya saing rentas sempadan diperkukuh melalui Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang menyaksikan Johor menarik pelaburan diluluskan sebanyak RM55.6 bilion pada separuh pertama 2026. Program Micron-OCBC JS-SEZ Supplier Event menghubungkan 30 syarikat teknologi global utama dengan pembekal Malaysia bagi menyokong proses kelayakan, penyetempatan dan kerjasama jangka masa panjang. Tatacara bagi pelabur turut dipermudah melalui Sistem Ekspatriat MIDA (MES) yang mengintegrasikan permohonan, kelulusan dan pengesahan ePass untuk ekspatriat sebagai platform tunggal bagi Pas Penggajian (EP), Pas Lawatan Ikhtisas (PVP) dan Pas Tanggungan (DP) bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih. Di samping itu, Pas Pelabur telah ditambah baik melalui pengeluaran Visa Kemasukan Berulang (MEV) bagi memudahkan pengembara perniagaan. Sehingga akhir Ogos 2026, MIDA telah memudah cara lebih daripada 180 pelabur merentas pelbagai sektor termasuk pembuatan, pembinaan, ICT dan pelancongan.

Pembangunan bakat terus dilaksanakan seiring dengan peningkatan pelaburan. Sehingga Julai 2026, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) telah menyediakan hampir 1.5 juta sesi latihan dan meluluskan bantuan kewangan lebih RM1.3 juta. Institusi GIATMARA menerima lebih 3,800 pelatih baharu manakala TVET@PerdaTech sekitar 1,000 pelajar sekali gus mencapai sasaran pengambilan tahunan institusi. Lebih daripada 500 pelajar telah menamatkan 32 kursus pentauliahan mikro Tahfiz TVET dengan permintaan tertinggi direkodkan bagi bidang jahitan dan pakaian diikuti oleh bidang komputer dan teknologi maklumat, katering dan perkhidmatan makanan,perniagaan dan keusahawanan serta E&E.

Dasar Latihan Industri 1:3 memadankan pengambilan ekspatriat dengan pembangunan bakat tempatan. Dasar ini mewajibkan majikan menyediakan sehingga tiga penempatan latihan industri berbayar bagi setiap pengambilan ekspatriat di bawah Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP). Program ini mula dilaksanakan sepenuhnya pada Jun 2026.

Selain itu, Malaysia turut memperkukuh ekosistem ekonomi Islam antara lain melalui peningkatan pensijilan halal. Sehingga akhir Ogos 2026, lebih 1,200 permohonan pensijilan telah diproses melalui pelantikan tambahan 78 juruaudit halal secara kontrak.

Tekad Empat: Memacu Produk Ciptaan Malaysia

Belanjawan 2026 terus memperkukuh keupayaan Malaysia untuk membangunkan, mengkomersialkan dan mengembangkan produk serta teknologi ciptaan tempatan di samping memperluas peluang firma domestik untuk bersaing di pasaran serantau dan global. Bagi memacu inovasi tempatan, Kerajaan telah menerajui pelbagai inisiatif yang memberikan tumpuan kepada pengukuhan keupayaan AI, mempercepat pengkomersialan penyelidikan serta terus menyediakan kumpulan bakat yang berkelayakan tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Justeru, Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) telah diinstitusikan sebagai AI Malaysia Berhad pada akhir Julai 2026 di bawah Kementerian Digital. Entiti ini telah dilancarkan bersekali dengan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2026 — 2030 dan Institut Keselamatan AI Malaysia (MY-AISafe) bagi terus memperkukuh pelaksanaan agenda AI negara dan menyokong peralihan negara ke arah ekonomi digital bernilai tambah lebih tinggi.

Tumpuan yang lebih besar terus diberikan bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan 'Made by Malaysia' menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Usaha tersebut juga dijangka dapat meningkatkan daya saing produk, membuka peluang eksport baharu dan memperluas akses kepada pelbagai pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan terus menyediakan inisiatif pembangunan eksport khususnya bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui program Penggalakan Pasaran dan Pembangunan Eksport (PPPE) yang merangkumi Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dan Malaysia Go Global (MGG) bagi meningkatkan akses firma Malaysia dalam pasaran yang lebih luas. Sehingga Jun 2026, PPPE telah merekodkan lebih daripada 1,200 peserta termasuk lebih 930 peserta di bawah MDG dan 280 peserta di bawah MGG. Dalam tempoh yang sama, lebih daripada 1,100 peserta juga telah menyertai pelbagai program latihan pengeksport yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Tekad Lima: Memperkukuh Ketahanan Negara

Kerajaan terus mempergiat peralihan tenaga melalui Dana Peralihan Tenaga Negara (NETF) yang dilaksanakan oleh Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Bagi tempoh 2024 hingga 2026, sejumlah RM350 juta telah diluluskan dengan RM175 juta disalurkan kepada setiap institusi. Sehingga akhir Ogos 2026, pembiayaan NETF berjumlah lebih RM270 juta telah berjaya menarik dana sebanyak RM1.7 bilion daripada sektor swasta bagi membiayai 30 projek peralihan tenaga. Di bawah Belanjawan 2026, sejumlah RM150 juta telah disalurkan kepada MDV dan BPMB bagi pelaksanaan projek peralihan tenaga. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM77.6 juta telah diluluskan bagi membiayai lapan projek peralihan tenaga yang seterusnya berjaya menarik pembiayaan campuran daripada pelabur berjumlah lebih RM530 juta.

Kesiapsiagaan menghadapi bencana dan daya tahan alam sekitar terus diperkukuh melalui projek tebatan banjir dan pemuliharaan sungai. Daripada RM1.3 bilion yang diperuntukkan bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB), sebanyak RM942 juta telah disalurkan untuk 43 projek berkeutamaan tinggi dan 12 projek baharu di seluruh negara. Inisiatif tersebut turut disokong dengan perbelanjaan sebanyak RM189.9 juta pada 2026 daripada peruntukan RM282 juta di bawah Pelan Hala Tuju Transformasi Sektor Air 2040 yang meliputi pemuliharaan sungai, penyelenggaraan infrastruktur, rawatan air serta sistem ramalan banjir dan amaran awal.

Kerajaan telah melancarkan Skim Subsidi Harga Padi dan Skim Takaful Tanaman Padi bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara. Usaha tersebut merangkumi langkah utama seperti Skim Insentif Tanaman Padi

(SIPP) dengan penyediaan subsidi pembajakan, kawalan makhluk perosak dan penuaian serta Program Pemulihan Kesuburan Tanah bagi mengoptimumkan kesihatan tanah dan hasil tanaman melalui penggunaan baja bio. Pada 2026, sejumlah RM688 juta telah diperuntukkan bagi SIPP dan RM20 juta bagi Program Pemulihan Kesuburan Tanah yang memanfaatkan 197,000 penerima di seluruh negara. Selain itu, sebanyak RM178 juta telah diperuntukkan bagi Program Subsidi dan Insentif Nelayan bagi menyokong sara hidup nelayan melalui Elaun Sara Hidup Nelayan secara bulanan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan manakala infrastruktur pendaratan turut ditambah baik melalui naik taraf kemudahan dan bantuan kecemasan bencana dengan peruntukan sebanyak RM5.1 juta.

Bagi meningkatkan keupayaan pertahanan negara, sejumlah RM5.3 bilion telah diperuntukkan bagi perolehan, penyelenggaraan dan pembaikan aset ketenteraan untuk meningkatkan kesiapsiagaan operasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Selain itu, Polis Tentera Diraja telah memperoleh aset baharu bagi memperkukuh operasi risikan, rondaan marin dan pengawasan maritim yang melibatkan peruntukan RM1 bilion. Sejumlah RM1.2 bilion pula telah diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf kemudahan untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan sempadan.

Tekad Enam: Merapat Kesenjangan, Mencipta Peluang

Dalam usaha mengurangkan kesenjangan pembangunan antara wilayah dan memastikan akses yang saksama kepada utiliti asas, Kerajaan memperuntukkan RM3.3 bilion bagi infrastruktur asas luar bandar yang merangkumi jalan raya, bekalan air dan elektrik serta jambatan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM22.8 juta telah diperuntukkan untuk projek bekalan air manakala RM70 juta bagi projek bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak. Ke arah meningkatkan daya tahan sektor air, sebanyak RM2.5 bilion disalurkan bagi program pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) di bawah Belanjawan 2026. Daripada jumlah ini, sebanyak RM824 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja pengurusan, pencegahan, pengesanan dan penyelesaian masalah di Kelantan, Labuan, Pahang, Perlis, Sabah dan Sarawak. Selain itu, sebanyak RM1.7 bilion disediakan bagi penggantian paip kritikal di seluruh negara. Sementara itu, Pengurusan Aset Air Berhad memperuntukkan RM13 bilion dalam tempoh yang sama untuk menaik taraf infrastruktur air bagi manfaat 1.5 juta penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bagi melengkapi usaha tersebut, inisiatif penyahgaraman air laut hibrid bernilai RM5 juta diperkenalkan bagi pos keselamatan ESSZONE dan pulau terpencil di persisiran Sabah dengan tender pembinaan telah ditawarkan bagi Pulau Banggi, Pulau Mabul dan Pulau Berhala.

Kerajaan terus meningkatkan kebolehcapaian internet berkelajuan tinggi di kawasan yang kurang mendapat liputan dalam usaha memperluas infrastruktur digital dan keupayaan teknikal bernilai tinggi. Projek Point of Presence (PoP) Fasa 2 yang bertujuan memperluas capaian gentian optik berhampiran taman perindustrian dan sekolah luar bandar melalui lebih daripada 3,000 akses rangkaian telah mencapai tahap kemajuan pelaksanaan sebanyak 95% melibatkan perbelanjaan melebihi RM497 juta sehingga Julai 2026.

Ekonomi Bumiputera terus diperkukuh dengan peruntukan RM6 bilion melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan Peneraju dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi pelajar dan usahawan Bumiputera di samping RM10 bilion dalam bentuk jaminan kredit Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) dan RM2.4 bilion bagi kontraktor Bumiputera G1 hingga G4. Di bawah inisiatif GEAR-uP, GLIC dan GLC dijangka turut menyediakan sokongan berterusan merangkumi keusahawanan, perolehan, modal pertumbuhan dan akses

pasaran bagi menyokong perusahaan yang berpotensi tinggi untuk mengembangkan perniagaan. Bagi melahirkan peneraju industri dalam kalangan syarikat Bumiputera, sebanyak sembilan syarikat berprestasi tinggi telah disenarai pendek di bawah Program 10 Juara Bumiputera untuk menerbitkan Tawaran Awam Permulaan (IPO) dengan nilai pasaran RM500 juta bagi setiap syarikat.

Selain itu, Kerajaan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera Skala (TUBE-S) anjuran SME Corp. Malaysia giat memupuk usahawan muda generasi baharu yang berdaya tahan dengan matlamat mengembangkan perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan secara berterusan. Sehingga akhir Ogos 2026, seramai 486 usahawan muda telah menamatkan program inkubator intensif di seluruh negara dan memperoleh RM7.3 juta dalam bentuk geran padanan sehingga RM15,000 bagi setiap peserta. Selain itu, sebanyak 50 PMKS telah diluluskan pinjaman mudah berjumlah RM2.7 juta di bawah TUNAS-i, dengan had RM100,000 bagi setiap perniagaan dengan kadar faedah sehingga 2% setahun. Bagi memastikan kemampanan operasi dan pertumbuhan perniagaan jangka masa panjang, usahawan PMKS yang telah menamatkan program akan menerima bimbingan berstruktur, khidmat nasihat dan pemantauan prestasi secara berterusan selama 12 bulan.

Kerajaan terus melaksanakan inisiatif memperkukuh mobiliti sosial kumpulan mudah terjejas khususnya wanita dan kanak-kanak. Kemudahan pembiayaan berjumlah RM5 juta telah disalurkan kepada PMKS milik wanita di bawah Program Mekar Dinamik, inisiatif kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan Jabatan Penjara Malaysia. Program ini menyediakan kit perniagaan dan latihan kemahiran untuk wanita yang pernah dipenjarakan serta wanita yang merupakan pencari nafkah utama keluarga. Program ini turut melibatkan klien wanita Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dengan menyediakan peluang kedua khususnya kepada klien yang tidak mempunyai sokongan keluarga. Program ini telah membantu lebih daripada 1,680 peserta bagi tempoh Januari hingga Ogos 2026.

Dalam usaha melindungi komuniti mudah terjejas dan merealisasikan komitmen untuk memastikan tiada golongan yang terpinggir, intervensi menyeluruh ditumpukan kepada masyarakat Orang Asli dan OKU. Pembangunan masyarakat Orang Asli terus disokong melalui peruntukan RM155 juta di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) termasuk pembangunan jalan luar bandar, naik taraf premis Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) serta Program Khas Pendidikan Manusiawi (ProKhas) Sekolah Terapung di Hulu Perak dan Kalabakan, Sabah. Lebih daripada RM1.2 bilion bantuan secara langsung telah disediakan bagi meningkatkan kebajikan OKU dengan RM9.6 juta diperuntukkan untuk menubuhkan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) di Labuan, Sabah dan Sarawak. Sehingga akhir Ogos 2026, intervensi awal ini telah menyediakan akses kepada terapi dan perkhidmatan sokongan untuk 5,500 kanak-kanak autisme.

Tekad Tujuh: Menjamin Kelangsungan Hidup Rakyat

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM15 bilion di bawah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) pada 2026 dalam usaha membantu isi rumah menghadapi tekanan kos sara hidup. Bagi menyediakan bantuan segera menjelang sambutan perayaan pada suku pertama 2026, sejumlah RM1.9 bilion diperuntukkan di bawah inisiatif Penghargaan SARA kepada 20.2 juta warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dalam bentuk kredit tanpa tunai bernilai RM100 secara sekali bayar (*one-off*) yang disalurkan melalui MyKad. Dalam usaha memperkukuh kuasa beli rakyat, Kerajaan terus memperluas Program Payung Rahmah di kawasan bandar dan pedalaman. Lebih RM600 juta disalurkan bagi inisiatif Jualan Rahmah MADANI yang dilaksanakan di 23,040 lokasi

yang menawarkan diskaun sehingga 30% bagi barangan keperluan harian. Sementara itu, lebih RM250 juta diperuntukkan kepada masyarakat luar bandar bagi menampung kos pengagihan barangan asas ke kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Kerajaan terus memperluas perlindungan sosial kepada golongan yang bekerja sendiri termasuk pekerja gig melalui skim insentif padanan caruman di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Di bawah KWSP, skim i-Saraan, i-Saraan Plus dan i-Suri menyediakan insentif padanan kepada pencarum yang layak termasuk golongan bekerja sendiri, pemandu e-hailing dan p-hailing sepenuh masa, suri rumah serta ibu tunggal. Sementara itu, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO memberi subsidi sehingga 70% nilai caruman bagi golongan bekerja sendiri yang layak. Sehingga Ogos 2026, sekitar RM7.8 juta telah disalurkan oleh Kerajaan yang memanfaatkan lebih 59,000 pencarum.

Dalam memperkukuh sumber kehidupan dan kesejahteraan komuniti, Kerajaan memperuntukkan RM100 juta di bawah Belanjawan 2026 bagi menggalakkan penglibatan GLC dan GLIC melalui platform filantropi untuk bekerjasama dalam inisiatif berimpak sosial seperti menangani kemiskinan bandar dan memperkukuh perkhidmatan rehabilitasi khusus. Geran ini menggunakan kaedah padanan 1:1 bagi menyokong inisiatif kemanusiaan, pendidikan dan kesejahteraan komuniti. Sehingga September 2026, sebanyak 37 projek berimpak tinggi telah diberikan geran untuk melaksanakan program sosial. Sementara itu, organisasi tersebut turut menyokong usaha Kerajaan menangani bencana menerusi platform GLC Demi Rakyat dan Negara (GDRN) melalui sumbangan tambahan sebanyak RM20 juta bagi Geran Padanan GDRN BANTU untuk memperkukuh daya tahan mendepani bencana. Di samping itu, perancangan pembangunan sedang dilaksanakan bagi Pusat Rehabilitasi PERKESO baharu berkapasiti 250 katil di Pulau Pinang. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan perubatan dan rehabilitasi fizikal yang komprehensif kepada pekerja yang mengalami kecederaan.

Kerajaan sedang membangunkan Piawaian Nasional Sektor Penjagaan bagi meningkatkan piawaian penjagaan, keupayaan tenaga kerja dan sokongan berasaskan komuniti sebagai persediaan untuk menghadapi penuaan penduduk dan memperkukuh piawaian dalam ekonomi penjagaan. Pada Ogos 2026, seramai 745 peserta telah mengikuti modul latihan penjagaan di bawah Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET). Sementara itu, inisiatif Ritma Kehidupan Harmoni (RYTHM) menggerakkan sukarelawan belia ke Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara bagi menyokong 140 program berkaitan kesihatan warga emas serta terapi untuk OKU yang memberikan manfaat kepada lebih 6,500 penerima.

Tekad Lapan: Memperkasa Perkhidmatan Rakyat

Belanjawan 2026 terus memperkukuh penyediaan perkhidmatan asas melalui pelaksanaan inisiatif yang meliputi sektor kesihatan, pendidikan, mobiliti dan perumahan. Kemajuan pelaksanaan inisiatif tersebut adalah berbeza mengikut peringkat merangkumi projek infrastruktur yang masih dalam perolehan, pembinaan atau program bantuan yang telah selesai.

Kerajaan terus memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui peruntukan sebanyak RM46.5 bilion di bawah Belanjawan 2026 bagi menambah baik akses, kemudahan dan penyampaian perkhidmatan. Penyediaan peruntukan tersebut meliputi RM1.2 bilion untuk penyelenggaraan dan pembaikan hospital dan klinik. Di samping itu, RM100 juta telah disediakan untuk menaik taraf

wad hospital daerah. Sehingga akhir Ogos 2026, sejumlah 89 daripada 102 projek telah menerima surat setuju terima bagi menaik taraf wad di hospital daerah, manakala selebihnya masih pada peringkat awal proses perolehan. Selain itu, RM3.9 juta telah dibelanjakan untuk pembaharuan penjagaan kesihatan primer yang dilaksanakan melalui jabatan kesihatan di seluruh negara. Bagi memastikan kos penjagaan kesihatan yang lebih telus serta kerjasama yang lebih kukuh dalam penyampaian perkhidmatan awam dan swasta, Kementerian Kesihatan Malaysia terus menggalakkan perkongsian maklumat kos klinikal dan kewangan melalui sistem Price, Admission and Clinical Electronic Data Hub (PACED). Sehingga akhir Ogos 2026, lebih daripada 90 hospital swasta telah mengemukakan lebih 480,000 rekod klinikal dan sekitar 380,000 rekod bil manakala 50 sesi latihan pengekodan klinikal telah dilaksanakan yang memanfaatkan lebih daripada 2,700 peserta.

Inisiatif bagi bidang pendidikan terus menumpukan kepada usaha menambah baik kemudahan dan capaian serta memperluas kebajikan pelajar. Pada peringkat pengajian tinggi, sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi memperluas inisiatif MySISWA Job on Campus kepada semua universiti awam. Sehingga Ogos 2026, lebih daripada 13,000 pelajar telah dilantik untuk mengisi 850 jenis penempatan pekerjaan dalam kampus iaitu melebihi sasaran asal seramai 10,000 pelajar. Selain itu, inisiatif Dapur Siswa MADANI turut diperluas daripada 75 kepada 143 premis operasi yang telah membantu lebih daripada 200,000 pelajar daripada kumpulan berpendapatan rendah dan mudah terjejas sehingga akhir Julai 2026. Bagi memudahkan mobiliti rakyat, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menambah baik capaian kepada pengangkutan awam, ketersambungan luar bandar dan keselamatan jalan raya. Perluasan program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) telah meningkatkan bilangan laluan dan bas di seluruh negara yang memanfaatkan lebih 18 juta penumpang. Sementara itu, Perkhidmatan Udara Luar Bandar bersubsidi di Sabah dan Sarawak telah memudahkan mobiliti lebih daripada 800,000 pengguna. Pas percuma MyRailLife yang meliputi perkhidmatan KTM Komuter dan perkhidmatan ulang-alik rel di seluruh Semenanjung Malaysia memanfaatkan lebih 350,000 pengguna yang terdiri daripada OKU, murid sekolah rendah dan menengah serta kanak-kanak berumur di bawah enam tahun. Bagi mempercepat proses penyelenggaraan jalan raya, aplikasi MYJalan memainkan peranan penting dalam memastikan tindakan segera diambil terhadap aduan berkaitan kerosakan jalan dan isu infrastruktur pada peringkat daerah. Sehingga akhir Julai 2026, sebanyak 73.1% daripada peruntukan RM30 juta telah disalurkan bagi penyelenggaraan jalan daerah.

Inisiatif untuk memperluas capaian kepada perumahan mampu milik terus dilaksanakan melalui langkah bersepadu yang merangkumi pembinaan perumahan baharu, pembaikan, sokongan pembiayaan dan kerja penyelenggaraan. Belanjawan 2026 telah memperuntukkan RM672 juta bagi projek Program Residensi Rakyat (PRR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dijangka memanfaatkan 33,000 penghuni. Sehingga akhir Ogos 2026, sebanyak 60.5% daripada jumlah peruntukan atau lebih daripada RM400 juta telah disalurkan untuk membiayai projek PRR dan RMR yang merangkumi pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu perancangan (8,122 unit), pembinaan (4,051 unit) dan projek telah siap (5,344 unit).

Sementara itu, Kerajaan terus mencatat kemajuan ketara dalam menyokong pemilikan rumah khususnya dalam kalangan peminjam yang memerlukan jaminan pembiayaan

bagi mendapatkan pinjaman perumahan. Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) dijangka mampu mencapai jumlah jaminan pembiayaan perumahan iaitu sekitar RM8 bilion pada 2026 sekali gus memperkukuh peranan SJKP dalam memperluas keterangkuman kewangan. Sehingga akhir Ogos 2026, lebih 20,000 permohonan telah diluluskan dengan pembiayaan berjumlah RM5.5 bilion.

Tekad Sembilan: Membina Jati Diri, Membangun Nilai Insani

Membina jati diri dan membangun nilai insani yang kukuh merupakan asas penting dalam membentuk negara yang bersatu padu, progresif dan berdaya tahan. Usaha tersebut menyumbang kepada pengukuhan keharmonian sosial, tadbir urus yang baik dan nilai bersama ke arah membina masyarakat yang inklusif dan harmoni.

Bagi memperkukuh prinsip Islam, sebanyak RM35 juta disediakan untuk menggalakkan penghayatan Islam secara menyeluruh. Para pemimpin utama masyarakat yang memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan Islam, membentuk akhlak yang baik serta memupuk nilai yang memperkukuh keharmonian sosial dan pembinaan negara diberikan sumbangan khas sebagai penghargaan melibatkan seramai 70,000 imam, bilal, siak/noja/marbut dan guru takmir. Selain itu, kerja menaik taraf infrastruktur di 27 sekolah TVET tahfiz sedang dilaksanakan yang melibatkan penyaluran RM2 juta sehingga akhir Ogos 2026.

Kekuatan Malaysia terletak pada masyarakat yang berbilang kaum. Kelebihan ini terus dimanfaatkan bagi memperkukuh perpaduan rakyat dan identiti nasional serta menggalakkan aktiviti berteraskan kekeluargaan dan melibatkan pelbagai kaum. Sehubungan dengan itu, Belanjawan 2026 memperuntukkan RM55 juta bagi program perpaduan dan jati diri kebangsaan serta RM60 juta bagi Rukun Tetangga MADANI. Sehingga akhir Ogos 2026, perbelanjaan bagi program perpaduan dan jati diri kebangsaan telah mencapai 65.9% manakala Rukun Tetangga MADANI sebanyak 90.5%.

Pelaburan dalam kemudahan sukan, pembangunan bakat dan penyertaan komuniti amat penting dalam menggalakkan gaya hidup sihat sekali gus menyatupadukan rakyat Malaysia melalui kebanggaan terhadap kejayaan negara yang dirasai bersama. Sehubungan dengan itu, Belanjawan 2026 telah memperuntukkan sebanyak RM70 juta untuk mempergiat pembangunan sukan negara melalui Program Podium dengan 52.5% telah dibelanjakan sehingga akhir Julai 2026. Lebih daripada 1,000 atlet dan jurulatih telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini melalui program latihan serta penyertaan dalam pertandingan pada peringkat domestik dan antarabangsa. Memandangkan sukan bola sepak memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan, sebanyak RM68 juta diperuntukkan bagi program pembangunan bola sepak yang merangkumi Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), perancangan penggantian dan pembangunan bakat dengan 56% telah disalurkan sehingga akhir Julai 2026.

Usaha menggalakkan seni dan kreativiti dapat memperkukuh penghayatan budaya, memelihara warisan serta memupuk budaya inovasi dalam kalangan generasi akan datang. Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) terus menjadi pemacu strategik pelaburan dalam industri kandungan skrin Malaysia, menarik produksi antarabangsa dan domestik serta menjana manfaat ekonomi yang lebih luas melalui perbelanjaan tempatan, peluang

pekerjaan dan pembangunan industri. Sehingga September 2026, produksi yang disokong oleh FIMI telah menjana sekitar RM550 juta pelaburan dan mewujudkan lebih 5,500 pekerjaan untuk rakyat Malaysia di seluruh negara. Sebanyak RM100 juta peruntukan disediakan kepada FIMI di bawah Belanjawan 2026 dengan sekitar RM40 juta telah disalurkan kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bagi pembayaran rebat untuk separuh pertama 2026. Keberhasilan tersebut mencerminkan peranan penting FIMI sebagai mekanisme yang memudah cara pelaburan dalam menterjemahkan pembiayaan awam kepada peningkatan nilai ekonomi, pertumbuhan industri dan peluang pekerjaan.

Selain itu, sebanyak RM20 juta diperuntukkan menerusi inisiatif Ekosistem Kreatif Digital (DICE) di bawah Belanjawan 2026 dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kreatif digital serantau yang terkemuka. Program ini telah mewujudkan lebih 1,600 pekerjaan dan melatih lebih 300 peserta di samping menyokong 20 syarikat pemula kreatif digital dan 10 syarikat kreatif digital. Inisiatif akses pasaran di bawah program ini turut menjana peluang eksport yang bernilai lebih RM350 juta bagi industri kreatif digital.

Pengurusan Ekonomi

Malaysia terus bergerak ke arah mencapai aspirasi kerangka Ekonomi MADANI dan RMK13 yang disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan dan peningkatan daya saing. Kerajaan kekal komited terhadap pengurusan fiskal dan ekonomi yang berhemat serta seimbang ketika negara beralih ke arah ekonomi bernilai lebih tinggi bagi mengekalkan daya tahan dalam persekitaran global yang mencabar dan tidak menentu. Berteraskan usaha tersebut, inisiatif yang sedang dilaksanakan bertujuan memperkukuh produktiviti, memudah cara pelaburan, memperkasa PMKS, mempercepat penerimagunaan teknologi dan pendigitalan, memajukan agenda kemampanan serta memastikan keterjaminan makanan. Kerajaan terus bertekad untuk meningkatkan taraf hidup dan memperkukuh daya tahan sosioekonomi rakyat dalam menghadapi tekanan kos sara hidup yang berterusan, jurang pembangunan antara wilayah, pertumbuhan upah yang sederhana serta perubahan demografi.

Menaikkan Siling

Pemerkasaan PMKS

Sebanyak 39.7% daripada KDNK Malaysia pada 2025 disumbangkan oleh PMKS yang memainkan peranan penting dalam ekonomi. Malaysia antara negara yang berada pada kedudukan teratas dalam ASEAN SME Policy Index 2024, turut merangkumi perusahaan mikro, Malaysia telah diiktiraf melalui rangka kerja institusi yang maju, ekosistem pembiayaan yang kukuh serta program sokongan yang meluas bagi pendigitalan, inovasi dan peluasan pasaran PMKS. Walau bagaimanapun, indeks ini mengesyorkan keperluan penambahbaikan dalam penilaian program dan inisiatif kemampanan PMKS. Sehubungan dengan itu, RMK13 menyasarkan peningkatan sumbangan PMKS kepada 50% KDNK menjelang 2030 melalui pembangunan perusahaan domestik yang lebih produktif dan berdaya saing.

Penyertaan terhad dalam rantaian nilai global, kekangan pembiayaan dan penerimagunaan digital yang berbeza terus mengehadkan keupayaan PMKS mengembangkan perniagaan dan bersaing pada peringkat antarabangsa. Jurang dalam teknologi, bakat, pensijilan dan hubungan pasaran terus merencat usaha meningkatkan produktiviti serta akses kepada

pasaran serantau dan global. Pengukuhan keupayaan tersebut penting bagi membolehkan lebih banyak PMKS menyertai aktiviti bernilai tambah lebih tinggi, berkembang melangkaui pasaran domestik dan menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi bernilai lebih tinggi.

Pelaburan Berkualiti

Malaysia terus memperkukuh kedudukan sebagai destinasi pelaburan yang menarik disokong oleh peningkatan daya saing dan minat pelaburan yang berterusan. Perkembangan tersebut membuka peluang kepada negara untuk memacu industri semikonduktor, AI, perkhidmatan digital, peralihan tenaga, farmaseutikal, logistik dan aeroangkasa melalui pelbagai dasar negara. Walaupun kelulusan pelaburan terus meningkat, namun beberapa penilaian oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan World Bank antaranya telah menunjukkan cabaran berterusan dalam menzahirkan pelaburan yang diluluskan kepada pelaksanaan projek di lapangan. Cabaran tersebut merangkumi aspek kawal selia, operasi, tenaga mahir, penyertaan dalam rantaian bekalan domestik serta penerimagunaan teknologi dalam kalangan PMKS tempatan.

Tenaga dan Daya Tahan Iklim

Malaysia menghadapi cabaran yang semakin meningkat dalam mengimbangi antara penyahkarbonan dengan keperluan memperkukuh ketahanan terhadap risiko berkaitan iklim. Berdasarkan kedudukan ke-8 daripada 24 ekonomi Asia Pasifik dan ke-95 pada peringkat global dalam Environmental Performance Index (EPI) 2026, infrastruktur dan pelaburan yang besar diperlukan untuk mempertingkatkan kecekapan tenaga, memperluas penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) dan membangunkan teknologi rendah karbon. Walau bagaimanapun, usaha mitigasi dan adaptasi iklim perlu seiring dengan peningkatan pendedahan kepada cuaca ekstrem di seluruh dunia dan memerlukan pembiayaan yang besar. Pengukuhan keterjaminan bekalan air penting bagi mengurangkan gangguan bekalan pada masa hadapan memandangkan jurang dalam kecekapan dan daya tahan bekalan masih wujud.

SISIPAN 1.1

Perjalanan Malaysia dalam Pembiayaan untuk Kemampanan

Malaysia sentiasa menjadi peneraju dalam membangunkan asas pembiayaan mampan menerusi pelaksanaan dasar nasional berkaitan alam sekitar, tenaga dan iklim serta disokong oleh insentif fiskal bagi menggalakkan pelaburan hijau. Bermula 2014, usaha telah dipergiat untuk membangunkan kerangka kawal selia, instrumen kewangan dan infrastruktur pasaran yang perlu bagi menggerakkan modal awam dan swasta dalam menyokong matlamat kemampanan negara termasuk inisiatif berkaitan iklim. Antara pencapaian utama adalah seperti berikut:

2014

- **Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI):** Kerangka kawal selia perintis oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang mengintegrasikan prinsip pasaran modal Islam dengan penanda aras kemampanan global bagi memudah cara pembiayaan inisiatif pelaburan mampan dan bertanggungjawab.
- **Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) / Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE):** Memacu pertumbuhan ekonomi hijau negara melalui pemberian insentif cukai bagi pembelian teknologi hijau dan penyedia perkhidmatan hijau.
- **Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM):** Memenuhi permintaan pelabur terhadap penyelesaian indeks berasaskan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).
- **Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII):** Menggalakkan pemilikan aktif dan bertanggungjawab serta tadbir urus korporat yang baik melalui kod pengawasan pelabur institusi SC yang pertama di Asia Tenggara.

2015


- **Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (NCTF):** Menubuhkan sebuah tabung amanah khusus yang kini diuruskan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi melaksanakan usaha konservasi jangka masa panjang untuk menyokong pengurusan sumber asli, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pembangunan kapasiti.
- **Penyata Kemampanan Mandatori bagi Pasaran Utama dan Pasaran ACE:** Memperkukuh pelaporan kemampanan korporat dengan mengalihkan tumpuan daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada ESG serta mewajibkan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia melaporkan pengurusan risiko dan peluang ekonomi, alam sekitar dan sosial (EES) yang penting.
- **Sukuk Ihsan:** Penerbitan Sukuk SRI pertama Malaysia oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) bagi membiayai program sosial dan pendidikan.

2017



- **Sukuk Hijau:** Penerbitan sukuk hijau korporat pertama di dunia bagi membiayai projek ladang solar mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran kewangan Islam dan pusat pembiayaan mampan.
- **Kertas Strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI):** Memperkukuh peranan perbankan Islam sebagai pemacu perbankan beretika berasaskan nilai ke arah menjana impak positif dan mampan terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar selaras dengan Maqasid Syariah.
- **Islamic Fund and Wealth Management Blueprint:** Mewujudkan pelan hala tuju lima tahun bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pelaburan mampan dan bertanggungjawab yang patuh Syariah.

2018



- **Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0:** Melanjutkan mekanisme pembiayaan bagi menyokong pelaksanaan projek teknologi hijau dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi tempoh Januari 2019 hingga akhir 2020.
- **Dokumen Panduan VBI:** Memudah cara penerapan VBI secara praktikal bagi menyelaras semula model perniagaan kewangan Islam ke arah mencapai objektif Syariah yang menjana impak positif dan mampan melalui amalan, proses, penawaran dan etika.
- **Skim Geran Sukuk SRI Hijau:** Menampung kos semakan luaran untuk menggalakkan penerbit yang layak menerbitkan sukuk di bawah Rangka Kerja Sukuk SRI SC, bon ASEAN di bawah Piawaian ASEAN dan sukuk berkaitan SRI di bawah Rangka Kerja Sukuk Berkaitan SRI.

2019



- **Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3):** Memperkukuh daya tahan sistem kewangan Malaysia terhadap risiko perubahan iklim melalui platform kerjasama antara pengawal selia dan industri yang dipengerusikan bersama oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan SC.
- **SRI Roadmap for the Malaysian Capital Market:** Meletakkan Malaysia sebagai pusat serantau bagi pelaburan mampan dan bertanggungjawab melalui pelan hala tuju lima tahun.
- **Ecological Fiscal Transfer (EFT):** Memperkenalkan pindahan fiskal tahunan daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri sebagai insentif bagi memperkukuh usaha konservasi, perlindungan biodiversiti serta pengurusan hutan simpan dan kawasan perlindungan.

2020



- **Waqf-Featured Fund Framework:** Merangkumi pembangunan aset wakaf sebagai projek SRI yang layak di samping memudah cara penawaran awam saham wakaf pertama di dunia melalui amanah saham dan dana borong dengan mengintegrasikan objektif komersial dan sosial.

2021







- **Rangka Kerja Sukuk SDG:** Menempatkan Malaysia sebagai peneraju dalam pembiayaan pembangunan yang selaras dengan SDG.
  Terbitan Sukuk Global Malaysia 2021: Terbitan Sukuk Kelestarian berdaulat pertama di dunia berdenominasi USD bagi membiayai program dan projek yang selaras dengan Rangka Kerja Sukuk SDG.
- **Pemetaan Belanjawan Kerajaan Persekutuan kepada SDG:** Melaksanakan pemetaan pertama belanjawan tahunan Kerajaan berdasarkan SDG.
- **Climate Change and Principle-based Taxonomy:** Diterbitkan oleh BNM bagi membantu institusi kewangan menilai dan mengklasifikasikan aktiviti ekonomi selaras dengan objektif perubahan iklim.
- **Skim Sukuk SRI dan Geran Bon:** Memperluas skop dan menjenamakan semula Skim Geran Sukuk SRI Hijau merangkumi projek sosial dan kemampanan selaras dengan piawaian ASEAN.
- **Indeks Syariah FTSE4Good Bursa Malaysia:** Menerapkan kewangan Islam dalam pelaburan berteraskan kemampanan patuh Syariah.
- **Pelan Induk Pasaran Modal 2021 — 2025 (CMP3):** Memperkukuh SRI sebagai antara teras utama pembangunan dengan integrasi aspek kemampanan yang lebih kukuh berbanding CMP2 melalui pewujudan garis panduan penzahiran ESG yang menyeluruh dan Taksonomi SRI.

2022







- **Yayasan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (Yayasan MySDG):** Melancarkan platform yang melibatkan pelbagai penderma bagi mempercepat pencapaian sasaran SDG Malaysia berdasarkan keutamaan negara serta memudah cara penubuhan Tabung Amanah SDG Malaysia-UN bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- **Perolehan Hijau Kerajaan:** Memperkukuh komitmen Kerajaan terhadap kemampanan alam sekitar dengan mengintegrasikan kriteria hijau dalam perolehan Kerajaan melalui pelaksanaan Pekeliling Perbendaharaan PP/PK 1.9 Dasar Perolehan Hijau Kerajaan.
- **Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) Lestari:** Instrumen pembiayaan domestik pertama negara yang diterbitkan menerusi BNM dan disalurkan khusus untuk membiayai atau membiayai semula projek hijau dan sosial yang layak.
- **Principles-based SRI Taxonomy:** Diterbitkan oleh SC bagi memacu agenda iklim dan kemampanan dalam pasaran modal melalui pengelasan aktiviti pelaburan yang layak.
- **Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis:** Diterbitkan oleh BNM bagi memperkukuh daya tahan sektor kewangan dengan mewajibkan bank dan syarikat insurans mengintegrasikan penilaian risiko fizikal dan peralihan, tadbir urus serta model senario dalam operasi teras perniagaan.
- **Rangka Kerja Sukuk berkaitan SRI:** Memudah cara pengumpulan dana oleh syarikat dalam menangani isu berkaitan kemampanan yang bercirikan komitmen prestasi kemampanan penerbit.
- **Bursa Carbon Exchange:** Melancarkan pasaran pelbagai produk alam sekitar patuh Syariah pertama di dunia yang memudah cara perdagangan kredit karbon dan sijil tenaga boleh baharu secara sukarela.
- **Kemudahan Peralihan Rendah Karbon:** Menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam menerapkan amalan kemampanan dan rendah karbon melalui kemudahan pinjaman yang disediakan oleh BNM.

2023



- **Kemudahan Peralihan Tenaga Negara (NETF):** Diwujudkan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), NETF menyediakan pembiayaan campuran sebagai pemangkin bagi projek peralihan tenaga yang mempunyai kelayakan minimum (*marginally bankable*).
- **Panduan Penzahiran ESG Ringkas (SEDG):** Membimbing PMKS untuk menerapkan amalan kemampanan dan memenuhi keperluan penzahiran ESG bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan.
- **Portal ESG Jumpstart:** Platform yang dilancarkan oleh JC3 merangkumi bahan rujukan ESG terpilih, panduan terperinci, alat penilaian kendiri serta akses kepada pembiayaan hijau bagi PMKS.
- **Standard Pelaburan Mampan (SIS):** Membimbing syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) untuk mempertimbang aspek kemampanan dalam proses pelaburan dan penzahiran sebagai pelengkap kepada Prinsip Tadbir Urus Baik (PGG) dan MCII berkaitan tadbir urus dan pengurusan serta menjadi rujukan kepada komuniti pelaburan yang lebih luas.

2024



- **Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF):** Mewujudkan asas pelaporan seragam bagi penzahiran ESG dan iklim korporat melalui piawaian Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa (ISSB) iaitu IFRS S1[1] dan IFRS S2[2] bagi memastikan maklumat kemampanan korporat di Malaysia konsisten, sahih dan setanding pada peringkat global.
- **Kertas Kerja Metodologi Climate Risk Stress Testing (CRST):** Memperkenalkan rangka kerja bagi membolehkan institusi kewangan mengukur risiko iklim, memperkukuh pengurusan risiko dan melaksanakan penilaian keterdedahan kepada perubahan iklim melalui ujian tekanan.

2025







- **Makmal Inovasi Kewangan Iklim (CFIL):** Membangun dan mempercepat pembiayaan penyelesaian iklim yang inovatif melalui platform kerjasama bagi menggerakkan modal untuk menyokong inisiatif Malaysia dalam mencapai pelepasan karbon sifar bersih, berdaya tahan iklim dan mesra alam.
- **Dana Pelaburan Strategik Bersama Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP CoSIF):** Menyalurkan sokongan kewangan kepada PMKS tempatan serta syarikat peringkat pertengahan melalui platform pendanaan ekuiti awam (ECF) dan pembiayaan digital antara rakan setara (P2P).
- **Dana Iklim+:** Melancarkan dana pelaburan iklim pertama Malaysia oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk menggerakkan modal bagi menyokong peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.
- **Bursa Sosial:** Melancarkan ekosistem kawalan pemerolehan dana yang dikawal selia bagi menginstitusi dan menstrukturkan pemerolehan dana awam dan korporat untuk sektor ketiga Malaysia di samping memastikan ketelusan, impak yang boleh diukur serta pematuhan ESG bagi penderma korporat, pelabur runcit dan pengendali platform.
- **JC3 Guidance on Sustainable and Transition Finance:** Panduan praktikal kepada bank untuk menjajar pembiayaan dengan prinsip hijau pada peringkat aset dan entiti, menyediakan kaedah untuk menilai kemajuan peralihan pelanggan serta mengendalikan projek yang belum memenuhi kriteria taksonomi yang ditetapkan.

2026



- **Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan:** Menyediakan kerangka asas bagi mengawal selia penjanaan kredit karbon, memastikan integriti alam sekitar yang tinggi serta menyokong pelaksanaan instrumen penetapan harga karbon pada masa hadapan seperti skim perdagangan pelepasan domestik atau cukai karbon.
- **Pelan Induk Pasaran Modal 2026 — 2030 (CMP4):** Pelancaran pelan induk pasaran modal keempat oleh SC dengan Kemampanan menjadi antara teras utama. Pelan ini menyasarkan pengembangan pasaran modal Malaysia kepada RM5.8 trilion — RM6.3 trilion menjelang 2030 bagi memacu peralihan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi melalui pasaran yang rancak, inklusif dan mampan serta peluang Malaysia sebagai gerbang serantau.
- **Sukuk Biru:** Terbitan dua sukuk biru perintis oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Berhad bagi menyokong pembangunan infrastruktur air yang kritikal serta projek pengurangan air tidak berhasil.

Dalam Perancangan



- **Cukai Karbon:** Pelaksanaan cukai ini akan menyasarkan sektor pelepasan berintensif karbon bermula dengan industri besi dan keluli. Inisiatif ini dijangka menggalakkan penggunaan teknologi pengeluaran yang lebih bersih, meningkatkan kecekapan tenaga, menyokong peralihan sektor ke arah rendah karbon dan memperkukuh daya saing operasi.
- **Skim Perdagangan Pelepasan Karbon (ETS):** Skim ini dijangka meningkatkan ketelusan pasaran karbon, memacu penyahkarbonan industri serta menyokong komitmen Malaysia untuk mencapai sasaran iklim dan aspirasi pelepasan karbon sifar bersih.
- **Malaysia Taxonomy for Sustainable Finance:** Pembangunan kerangka klasifikasi kebangsaan yang konsisten dan bersepadu oleh JC3 selari dengan ASEAN Taxonomy bagi keseragaman serantau.
- **Pelan Hala Tuju SDG Malaysia Fasa III:** Menyediakan kerangka strategik terakhir negara bagi mencapai Agenda 2030 selaras dengan sasaran nasional di bawah kerangka Ekonomi MADANI dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 — 2030.

Melangkah ke hadapan, Malaysia kekal komited memperkukuh ekosistem pembiayaan untuk kemampanan melalui pembaharuan dasar yang bersepadu, kerjasama serantau dan penglibatan antarabangsa. Peningkatan kebolehoperasian merentas ASEAN, penjajaran dengan piawaian antarabangsa yang terus berkembang serta inovasi berterusan dalam pembiayaan untuk kemampanan akan memperkukuh keselarasan dasar dan memudah cara pelaburan. Usaha tersebut akan menyokong peralihan negara ke arah ekonomi yang inklusif, rendah karbon dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

[1] General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information

[2] Climate-related Disclosures

Keterjaminan Makanan

Keterjaminan makanan Malaysia kekal stabil dengan Indeks Keterjaminan Makanan Malaysia mencatat skor 61.5 pada 2024 iaitu meningkat daripada 54.5 pada 2023. Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap makanan dan input pertanian yang diimport mewujudkan risiko struktural yang ketara dalam jangka masa panjang. Hanya 24 daripada 60 komoditi pertanian memenuhi keperluan tahap sara diri negara. Kebergantungan ini mendedahkan Malaysia kepada turun naik harga makanan khususnya makanan ruji. Bagi mengatasi cabaran tersebut, penerimagunaan teknologi perlu dipercepat untuk meningkatkan pengeluaran, mengurangkan kehilangan hasil dan memperluas peluang pekerjaan berkemahiran.

Pendigitalan dan Keselamatan Siber

Malaysia berada pada kedudukan ke-34 dalam IMD World Digital Competitiveness Ranking 2025 iaitu meningkat daripada kedudukan ke-36 pada 2024 manakala kedudukan ke-40 bagi Future Readiness Indicator. Perkembangan ini mencerminkan tahap kesiapsiagaan pendigitalan di Malaysia yang memerlukan penerimagunaan lebih meluas dalam kalangan perniagaan yang diterjemahkan dalam peningkatan produktiviti, inovasi dan daya saing. Walau bagaimanapun, transformasi digital meningkatkan pendedahan negara kepada ancaman siber luaran dengan ketara. Malaysia telah menunjukkan kemajuan awal dalam kriptografi pascakuantum (PQC) tetapi masih terdapat jurang dalam tahap kesiapsiagaan berkaitan kepakaran teknikal, inventori kriptografi dan perancangan migrasi dalam kalangan organisasi.

Menaikkan Lantai

Infrastruktur dan Pembangunan Wilayah

Jurang akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan awam berkualiti masih menjadi cabaran utama dalam mencapai pembangunan seimbang merentas negeri serta kawasan bandar dan luar bandar. Pada masa yang sama, perbandaran pesat terus memberikan tekanan kepada pengangkutan awam, kemampuan pemilikan rumah dan daya huni bandar. Manakala, penyertaan dan pemilikan ekonomi Bumiputera yang terhad serta capaian kepada peluang pekerjaan dan infrastruktur dengan reka bentuk sejagat yang tidak mencukupi untuk golongan OKU merupakan cabaran pembangunan komuniti bagi meningkatkan status sosioekonomi kumpulan sasar masih menjadi cabaran. Golongan belia dan wanita juga terus berdepan kekangan keupayaan dan mobiliti sosial untuk menikmati kehidupan yang lebih wajar.

Perlindungan Sosial

Meskipun mencatat kemajuan yang ketara, landskap perlindungan sosial Malaysia terus mendepani cabaran dalam menyediakan perlindungan yang mencukupi dan menyeluruh merentas pelbagai kumpulan pekerjaan dan isi rumah berikutan peningkatan kos sara hidup. Rangka kerja perlindungan berkaitan pekerjaan terutamanya bagi golongan bekerja sendiri dan pekerjaan tidak formal memerlukan penambahbaikan pengurusan berterusan termasuk pendaftaran mandatori dan perluasan liputan perlindungan. Keberkesanan Dasar Pasaran Buruh Aktif (ALMP) dan program penjanaan pendapatan masih terhad disebabkan oleh ketidakpadanan kemahiran, kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing berkemahiran rendah serta intervensi yang kurang berkesan.

Sementara itu, penyediaan skim bantuan tunai dan kebajikan yang tidak selaras menyebabkan penyampaian jaringan keselamatan sosial yang tidak cekap. Walaupun program bantuan bersasar telah membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam mendepani kenaikan kos sara hidup, namun jurang pendapatan masih wujud dan cabaran sosioekonomi memerlukan penyediaan sokongan secara mampan. Keadaan ini membuka ruang penambahbaikan

mekanisme dan penyampaian program jaringan keselamatan sosial termasuk STR, SARA dan skim kebajikan untuk kanak-kanak, warga emas dan OKU. Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap bantuan kewangan dalam kalangan isi rumah mudah terjejas menekankan keperluan untuk melengkapi bantuan sosial dengan pendekatan yang lebih baik ke arah pekerjaan dan penjanaan pendapatan yang mampan. Justeru, bantuan sosial, perlindungan caruman dan ALMP yang lebih bersepadu penting dalam memperkukuh daya tahan isi rumah dan mengurangkan kerentanan jangka masa panjang.

Pendidikan dan Penjagaan Kesihatan

Sistem pendidikan telah mengalami pelbagai fasa perubahan yang bertujuan untuk membangunkan potensi rakyat melalui pendekatan yang holistik dan bersepadu. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dari segi kualiti dan outcome pembelajaran pada pelbagai peringkat meskipun pelaburan pendidikan yang besar disediakan setiap tahun. Meskipun Malaysia telah mencapai kadar enrolmen yang tinggi bagi prasekolah (93.5%), sekolah rendah (99%) dan sekolah menengah (94.9%), namun pencapaian keseluruhan pelajar berdasarkan Program for International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) masih di bawah piawaian yang disasarkan. Graduan institusi pengajian tinggi pula sering tidak seiring dengan keperluan bakat sebenar industri. Selain itu, infrastruktur yang usang di sekolah luar bandar dan pedalaman perlu dinaik taraf manakala kawasan bandar menghadapi isu sekolah padat.

Pada masa yang sama, sektor penjagaan kesihatan menghadapi cabaran kekurangan pakar dan peningkatan kos perubatan yang boleh menjejaskan kemampuan dan kualiti perkhidmatan di samping peningkatan penyakit tidak berjangkit dan amalan gaya hidup tidak sihat. Tekanan terhadap penjagaan kesihatan ini semakin meruncing berikutan demografi penuaan yang pantas, penyediaan ekosistem penjagaan jangka masa panjang yang tidak mencukupi dan beban fiskal yang semakin meningkat dalam menyediakan infrastruktur penjagaan kesihatan awam. Situasi tersebut menunjukkan keperluan mendesak untuk melaksanakan pembaharuan menyeluruh bagi memperkukuh kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan.

Kesejahteraan Pekerja

Malaysia telah melakar kemajuan yang ketara dalam memperkukuh ekosistem pasaran buruh melalui inisiatif berkaitan pekerjaan dan gaji wajar secara bersasar. Walau bagaimanapun, usaha memacu peningkatan gaji secara mampan untuk meningkatkan taraf hidup pekerja terus menjadi cabaran struktural. Akibatnya, agihan pertumbuhan ekonomi masih tidak seimbang dengan bahagian PP daripada KDNK kekal rendah. Situasi tersebut mencerminkan kekangan sudut permintaan dan penawaran termasuk penciptaan pekerjaan bergaji tinggi yang terhad; pekerja lebih tertumpu dalam pekerjaan separuh mahir; penerimagunaan teknologi yang rendah; serta guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang telah menjejaskan kenaikan paras gaji. Selain itu, amalan penetapan gaji sebahagian besarnya masih diterajui oleh majikan dan tidak melalui perundingan kolektif secara saksama sekali gus mengehadkan pertumbuhan gaji dan kemajuan kerjaya pekerja. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi diterjemahkan kepada outcome yang inklusif, pendekatan bersepadu penting dalam menyelaraskan pembaharuan struktur industri, mengawal penggajian pekerja asing, menetapkan dasar gaji yang holistik serta memperluas platform perundingan kolektif.

RENCANA 1.1

Memartabatkan Gaji dari Akar Umbi

Dengan kerjasama THE FUTURE[1]

Pengenalan

Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memperkukuh ekosistem gaji dan menambah baik taraf hidup pekerja menerusi pelaksanaan pelbagai dasar gaji wajar. Usaha tersebut telah berjaya menaikkan lantai gaji pekerja berpendapatan rendah, memperkukuh peningkatan pendapatan dan membina asas penting ke arah pasaran buruh yang lebih inklusif dan produktif. Apabila landskap pasaran semakin dinamik, cabaran dasar kini tertumpu kepada usaha memastikan pekerja dapat terus menikmati kenaikan gaji secara mampan dan bermakna melangkaui paras lantai gaji di sepanjang laluan kerjaya.

Cabaran ekosistem gaji negara berakar umbi dalam struktur ekonomi terutamanya berikutan penumpuan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang berintensifkan buruh dalam industri yang menawarkan kadar gaji rendah secara berterusan. Meskipun dasar sedia ada telah memperkukuh perlindungan gaji dan keupayaan pekerja, lonjakan ke arah pertumbuhan gaji yang mampan memerlukan firma menjana lebih banyak permintaan terhadap pekerjaan berkemahiran tinggi dan bergaji lebih baik. Artikel ini menganalisis ketidakseimbangan gaji berstruktur semasa dan mencadangkan dasar lonjakan besar (big push) bersasar yang menyepadukan pemodenan PMKS, naik taraf struktur industri dan pengukuhan intervensi bakat. Produktiviti seterusnya perlu diletakkan sebagai jambatan penghubung antara peningkatan keupayaan perniagaan dengan kenaikan gaji secara mampan. Langkah ini membolehkan negara menangani isu ketidakseimbangan gaji secara struktural, memperkukuh tangga gaji dan memastikan kemakmuran ekonomi diterjemahkan kepada peningkatan taraf hidup pekerja secara menyeluruh.


Daripada Lantai Gaji Lebih Tinggi Kepada Tangga Gaji Lebih Progresif

Walaupun ekonomi Malaysia berkembang saban tahun dan telah berjaya menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan gaji nominal, namun agihan manfaat tersebut dalam kalangan pekerja kekal tidak sekata. Penunjuk utama bagi menilai pengagihan pertumbuhan ekonomi kepada pekerja ialah bahagian pendapatan buruh yang diukur melalui pampasan pekerja (PP). Peningkatan bahagian pendapatan buruh mencerminkan pekerja menerima manfaat yang lebih saksama daripada keuntungan hasil pengeluaran. Sebaliknya, bahagian pendapatan yang kekal rendah atau semakin merosot menandakan pertumbuhan ekonomi tidak diterjemahkan secara berkadar langsung kepada pampasan pekerja.

Rajah 1.1.1. menunjukkan PP menyumbang sebanyak 33.6% daripada KDNK Malaysia pada 2024 iaitu masih di bawah paras prapandemik COVID-19. Walaupun KDNK dan guna tenaga telah mencatat pemulihan, namun trend PP pascapandemik membuktikan cabaran berterusan dalam memastikan pemulihan pertumbuhan ekonomi diterjemah kepada peningkatan pendapatan buruh secara menyeluruh. Realiti ini menunjukkan dimensi utama cabaran struktur gaji negara melangkaui aspek pendapatan pekerja bergaji rendah. Cabaran yang dihadapi turut berkait rapat dengan keupayaan struktur ekonomi untuk menjana kenaikan gaji secara mampan dan inklusif. Justeru, perbezaan pelbagai kesan pelaksanaan dasar gaji minimum, isu pemampatan gaji dan ketidakseimbangan pertumbuhan gaji perlu dikenal pasti bagi memahami kedinamikan struktur gaji secara holistik.

[1] Centre for Future Studies Berhad (THE FUTURE) merupakan badan pemikir yang menyokong proses membuat keputusan berasaskan bukti, pembangunan kapasiti dan inovasi dasar. Institusi ini telah menyumbang kepada pelbagai kajian dasar, penerbitan strategik dan inisiatif pembaharuan untuk beberapa negara.

RAJAH 1.1.1. *Bahagian Pendapatan Buruh dan Agihan Pertumbuhan*




Nota: Peningkatan bahagian pendapatan buruh pada 2020 sebahagiannya mencerminkan penguncupan ketara KDNK semasa pandemik
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Peningkatan Gaji Minimum Telah Menaikkan Lantai, Namun Agihan Gaji Kekal Sama

Perundangan gaji minimum telah memainkan peranan penting dalam melindungi golongan pekerja bergaji rendah. Rajah 1.1.2. menunjukkan taburan gaji di Malaysia telah beralih ke trajektori yang lebih tinggi bagi tempoh 2015 hingga 2024 hasil daripada peningkatan berterusan kadar gaji minimum. Kemuncak taburan telah meningkat daripada bawah RM1,300 pada 2015 kepada sekitar RM1,700 – RM2,000 pada 2024. Corak taburan ini selaras dengan pelarasan gaji minimum yang bertujuan meningkatkan pendapatan kumpulan terbawah dalam taburan gaji sekali gus mengurangkan penumpuan pekerja dalam kumpulan tersebut.

RAJAH 1.1.2. *Agihan Gaji: Perbandingan Malaysia dengan Keadaan Ideal*



Nota: Penanda aras ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja; bukan unjuran rasmi atau sasaran statistik. Penerima gaji merangkumi warganegara dan bukan warganegara; gaji di bawah kadar minimum berkanun mungkin merangkumi pekerja separuh masa dan kategori lain yang dibenarkan
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)


Walau bagaimanapun, sebahagian besar penerima gaji terus memperoleh pendapatan yang hampir dengan kadar gaji minimum berkanun sementara kumpulan penerima gaji pertengahan terus terhimpit. Situasi ini menunjukkan dinamik gaji yang berbeza di seluruh taburan. Walaupun dasar gaji minimum berkanun telah meningkatkan gaji pada peringkat bawah secara langsung, namun pekerja dalam kumpulan berpendapatan lebih tinggi dari paras gaji minimum tidak semestinya turut menikmati kenaikan gaji kerana ketiadaan jaminan pelarasan gaji seterusnya mengakibatkan kenaikan gaji yang perlahan bagi kumpulan bergaji pertengahan. Memandangkan kesan limpahan gaji yang agak terhad, peranan gaji minimum sebagai penyedia lantai perlindungan adalah lebih efektif berbanding sebagai mekanisme untuk memangkin pertumbuhan gaji yang mampan melangkaui paras lantai.

Rajah 1.1.2. juga menunjukkan taburan gaji sebenar di Malaysia adalah pencong ke kanan dengan sebahagian besar pekerja memperoleh gaji yang sederhana manakala hanya sebahagian kecil pekerja menerima gaji yang lebih tinggi. Senario ini menggambarkan jurang taburan yang besar berbanding ilustrasi taburan ideal yang mencerminkan ciri-ciri umum ekonomi berpendapatan tinggi dan maju. Peralihan Malaysia ke arah taburan ideal tersebut turut memerlukan pelbagai inisiatif lain dan bukan sekadar pelarasan berkala gaji minimum. Langkah berterusan perlu diambil untuk memperkukuh pertumbuhan produktiviti, menaik taraf kemahiran pekerja serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran tinggi.

Jurang Pertengahan Tertumpu dalam Kalangan Pekerja Separuh Mahir

Meskipun tahap kemahiran tinggi memberikan gaji premium, namun guna tenaga masih tertumpu dalam pekerjaan separuh mahir yang mencerminkan struktur asas ekonomi negara. Pekerjaan separuh mahir merangkumi 55.4% daripada jumlah guna tenaga pada 2024 berbanding 36.5% bagi pekerjaan mahir dan 8.1% pekerjaan berkemahiran rendah seperti dalam Rajah 1.1.3. Justeru, corak taburan gaji terutamanya dipengaruhi oleh trajektori pendapatan pekerja separuh mahir dan bukan guna tenaga berkemahiran rendah semata-mata.

RAJAH 1.1.3. *Gaji, Guna Tenaga dan Peningkatan Gaji Keseluruhan mengikut Kategori Kemahiran*



Pertumbuhan gaji keseluruhan terutamanya didorong oleh pekerja mahir, bukan kerana kadar pertumbuhan gaji yang terpantas tetapi disebabkan oleh:

1. Tahap gaji tertinggi
2. Peningkatan gaji mutlak terbesar
3. Bahagian penerima gaji yang besar

Sumbangan kepada peningkatan gaji keseluruhan (2010 – 2024)

Mahir	+RM974
Separuh mahir	+RM654
Berkemahiran rendah	+RM88
Jumlah	**+RM1,716**

Bahagian daripada jumlah peningkatan

Mahir	56.8%
Separuh mahir	38.1%
Berkemahiran rendah	5.1%
Jumlah	**100.0%**

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Secara umumnya, purata gaji bulanan mengikut kumpulan pekerjaan menunjukkan trend peningkatan antara 2010 hingga 2024. Gaji pekerja mahir meningkat daripada RM3,083 kepada RM5,582 manakala gaji pekerja separuh mahir meningkat daripada RM1,384 kepada RM2,604 dan pekerja berkemahiran rendah daripada RM987 kepada RM2,128. Walaupun terdapat penambahbaikan, jurang gaji antara pekerja mahir dengan pekerja separuh mahir pada 2024 kekal ketara pada nisbah 2.1 kali ganda manakala nisbah purata gaji pekerja separuh mahir berbanding pekerja berkemahiran rendah hanya sekitar 1.2 kali ganda. Perbezaan tersebut menunjukkan struktur tangga gaji secara berperingkat yang terhad untuk menyokong kenaikan gaji berterusan dalam kalangan pekerja separuh mahir. Tanpa mekanisme peningkatan gaji yang lebih jelas, pekerja mungkin kurang bermotivasi untuk memajukan diri di samping peluang yang terhad untuk kemajuan kerjaya. Majikan juga mungkin akan menghadapi cabaran yang lebih besar untuk mengekalkan serta meningkatkan kompetensi pekerja.


Pekerja Mahir Merupakan Penyumbang Utama Peningkatan Gaji Agregat

Sebahagian besar daripada peningkatan gaji agregat disumbangkan oleh pekerja mahir seperti dalam Rajah 1.1.3. Antara 2010 hingga 2024, dianggarkan sebanyak 56.8% daripada keseluruhan peningkatan purata gaji diterima oleh pekerja mahir berbanding 38.1% untuk pekerja separuh mahir dan 5.1% untuk pekerja berkemahiran rendah. Peratusan besar tersebut adalah berikutan asas gaji pekerja mahir yang lebih tinggi, jumlah peningkatan gaji mutlak terbesar serta peratus penerima gaji yang agak besar. Sementara itu, pekerja separuh mahir yang merupakan bahagian guna tenaga terbesar menyumbang peratusan yang lebih kecil kepada peningkatan gaji agregat. Oleh itu, peningkatan gaji yang tinggi dalam kalangan pekerja separuh mahir penting untuk mempercepat kenaikan gaji secara progresif.

Industri Berintensifkan Buruh Dikaitkan dengan Gaji Rendah dan Kenaikan Gaji yang Perlahan

Analisis pada peringkat industri memberikan penjelasan lanjut mengenai faktor struktural yang membentuk landskap gaji di Malaysia. Rajah 1.1.4. menunjukkan bahawa kebanyakan industri yang menawarkan peluang pekerjaan terbesar berada di bawah paras gaji penengah. Penumpuan pekerja dalam segmen guna tenaga tinggi tetapi bergaji rendah menunjukkan bahawa industri berintensifkan buruh terus memainkan peranan penting dalam pewujudan pekerjaan. Industri tersebut juga sering kali menggunakan model perniagaan yang bergantung kepada kos buruh yang secara relatifnya rendah. Oleh itu, tahap gaji keseluruhan turut dipengaruhi oleh komposisi guna tenaga dengan sebahagian besar pekerja masih tertumpu dalam industri yang mempunyai nilai ditambah dan produktiviti buruh yang rendah.


RAJAH 1.1.4. *Guna Tenaga dan Gaji mengikut Industri, 2024*



Nota: Angka dalam rajah merujuk kepada kod dua digit Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Cabaran struktural juga berlaku melangkaui paras gaji pada tempoh tertentu. Situasi tersebut melibatkan penambahbaikan yang terhad dalam kedudukan gaji relatif bagi kebanyakan industri sekali gus menunjukkan bahawa industri bergaji lebih rendah hanya mencatatkan sedikit kemajuan dalam merapatkan jurang gaji dari semasa ke semasa. Rajah 1.1.5. menunjukkan 81% daripada industri kekal dalam kuadran gaji yang sama antara 2015 hingga 2024 termasuk 35 industri berada di bawah paras gaji penengah sektor pada kedua-dua tahun tersebut. Sementara itu, hanya lapan industri yang berjaya beralih daripada kedudukan di bawah kepada di atas paras gaji penengah dalam tempoh yang sama. Keadaan yang berterusan ini menunjukkan bahawa pertumbuhan gaji secara umumnya masih belum mencukupi untuk mengubah kedudukan relatif kebanyakan industri bergaji rendah sekali gus membuktikan bahawa kenaikan gaji dipengaruhi oleh kekangan struktural dan bukan sekadar disebabkan oleh kelemahan kitaran ekonomi yang bersifat sementara.

RAJAH 1.1.5. *Kedudukan Gaji mengikut Industri, 2015 dan 2024*




Nota: Angka dalam rajah merujuk kepada kod dua digit Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Peningkatan Keupayaan PMKS Berintensifkan Buruh Dapat Menghasilkan Impak Lonjakan Besar

Rajah 1.1.6. memaparkan taburan struktural PMKS merentas pelbagai industri yang mendominasi 93.7% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan. Walau bagaimanapun, PMKS hanya menyumbang sebanyak 51.1% daripada jumlah keseluruhan gaji sekali gus mewujudkan jurang purata antara bilangan pertubuhan dengan bahagian gaji sebanyak 42.6 mata peratusan (ppt). Jurang ini adalah sejajar dengan struktur pengeluaran yang tidak seragam berikutan kebanyakan firma bersaiz kecil beroperasi pada skala yang terhad dan masih tertumpu dalam aktiviti berintensifkan buruh serta bernilai lebih rendah. Memandangkan PMKS memainkan peranan penting dalam membentuk outcome gaji, usaha meningkatkan kecekapan PMKS perlu dipercepat melalui penerimagunaan teknologi, pemantapan pengurusan yang lebih canggih dan integrasi yang lebih kukuh ke dalam pasaran bernilai tinggi. Usaha juga perlu dipergiat untuk menterjemahkan peningkatan produktiviti secara lebih berkesan kepada kenaikan gaji yang berterusan.


RAJAH 1.1.6. *Bahagian PMKS Terpilih daripada Jumlah Pertubuhan dan Gaji PMKS mengikut Industri, 2022*



Nota: Industri merujuk kepada kod dua digit Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Meskipun keadaan pasaran buruh memberangsangkan, namun analisis gaji merentas kategori kemahiran menunjukkan bahawa Malaysia masih berdepan dengan isu berkaitan gaji. Rajah 1.1.7. membuktikan kewujudan jurang gaji yang ketara antara pekerja mahir dengan pekerja separuh mahir manakala jurang antara pekerja separuh mahir dengan pekerja berkemahiran rendah adalah lebih rapat. Keadaan ini mencerminkan cabaran gaji turut dihadapi oleh PMKS merentas semua industri ekonomi terutamanya disebabkan oleh penumpuan dalam aktiviti berintensifkan buruh dan berproduktiviti rendah.


RAJAH 1.1.7. *Purata Gaji Bulanan (RM) mengikut Kategori Kemahiran dan Sektor dalam PMKS, 2022*



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

MSME Wage Inequality Survey yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 2025 turut menjelaskan keperluan untuk memperkasakan sistem gaji dalam kalangan PMKS. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa PMKS secara umumnya mempunyai mekanisme asas penetapan gaji walaupun masih belum berkembang menjadi sistem kenaikan gaji yang bersepadu dan berstruktur (Rajah 1.1.8.). Walaupun upah atau gaji pokok tetap (97.2%), elaun (83.1%) serta bonus atau komisen berasaskan prestasi (66.3%) dilaporkan secara meluas, namun hanya 35.9% firma mempunyai pekerja yang diliputi oleh perjanjian kolektif yang mengikat majikan dan pekerja untuk mematuhi terma-terma gaji dan pekerjaan yang dipersetujui. Tinjauan tersebut turut membuktikan bahawa penetapan gaji masih didominasi oleh pihak pengurusan iaitu 91.9% keputusan dibuat secara berpusat sepenuhnya atau sebahagiannya manakala hanya 5.3% melibatkan penyertaan pekerja. Selain itu, kurang daripada separuh firma menggunakan merit sebagai asas utama dalam penetapan gaji sekali gus mencerminkan bahawa kenaikan gaji masih tidak dihubungkaitkan secara konsisten dengan kemahiran, kelayakan, tanggungjawab atau penanda aras pasaran.

RAJAH 1.1.8. *Kaedah Penetapan Gaji PMKS, 2025*



Sumber: MSME Wage Inequality Survey oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia, 2025

Tinjauan tersebut juga menunjukkan bahawa hubung kait antara gaji dengan produktiviti pekerja adalah kurang sejajar. Sebanyak 54.7% firma menawarkan pampasan berasaskan prestasi yang mewakili 1% — 10% daripada jumlah purata pampasan pekerja manakala 11.3% firma langsung tidak berasaskan prestasi. Situasi ini menunjukkan bahawa kebanyakan PMKS telah mempunyai mekanisme pembayaran gaji tersendiri. Walau bagaimanapun, mekanisme lebih telus yang menghubungkan pembangunan kemahiran, kemajuan prestasi dan peningkatan produktiviti dengan kenaikan gaji yang mampan masih terhad sekali gus mengehadkan peluang pekerja untuk memperoleh kenaikan gaji yang mencerminkan peningkatan prestasi. Bagi menambah baik situasi tersebut, sokongan dasar dijangka dapat membantu PMKS memperkenalkan julat gaji mengikut pekerjaan, laluan kerjaya berasaskan kemahiran dan insentif berasaskan produktiviti. Di samping itu, penerimagunaan teknologi dan peningkatan keupayaan perniagaan perlu dipergiat bagi mengukuhkan kemampuan firma untuk membiayai peningkatan gaji yang lebih tinggi secara mampan.


Membina Tangga Gaji yang Lebih Progresif Memerlukan Pendekatan Bersepadu

Usaha meningkatkan gaji dalam industri berintensifkan buruh tidak seharusnya dilihat semata-mata sebagai objektif pasaran buruh atau sudut penawaran. Inisiatif ini perlu dilengkapi dari sudut permintaan yang menggalakkan peningkatan keupayaan firma dan industri melalui automasi dan pendigitalan dengan produktiviti berperanan sebagai penghubung utama antara aktiviti ekonomi bernilai lebih tinggi dengan peningkatan gaji secara mampan. Cabaran utama adalah memastikan peningkatan gaji disokong oleh penambahbaikan produktiviti agar kenaikan gaji kekal mampan sekali gus membolehkan pasaran buruh mencapai aspirasi ideal dengan nisbah gaji yang lebih seimbang antara kategori kemahiran.

Usaha Merapatkan Jurang Gaji Memerlukan Peningkatan Gaji Berteraskan Produktiviti

Rajah 1.1.9. menunjukkan ilustrasi kadar pelarasan ideal yang diperlukan untuk mewujudkan tangga gaji yang lebih progresif dan seimbang. Senario ini menggambarkan nisbah gaji antara pekerja mahir dengan pekerja separuh mahir yang semakin mengecil daripada sekitar 2.1 kali ganda pada 2024 kepada 1.6 kali ganda manakala nisbah gaji antara pekerja separuh mahir dengan pekerja berkemahiran rendah semakin meningkat daripada sekitar 1.2 kepada 1.3 kali ganda. Secara keseluruhan, pelarasan tersebut dapat memperkukuh peningkatan gaji dalam segmen bawahan dan pertengahan taburan gaji di samping mengekalkan premium gaji yang sewajarnya mengikut tahap kemahiran, kompleksiti pekerjaan dan tanggungjawab yang lebih tinggi. Nisbah tersebut hanya bertujuan untuk menyediakan gambaran mengenai hala tuju pelarasan

RAJAH 1.1.9. *Ilustrasi Tangga Gaji dan Penjajaran Produktiviti-Gaji*



Nota: Simulasi berdasarkan keadaan ideal bagi penjajaran produktiviti-gaji
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

gaji yang dihasratkan dan bukannya berfungsi sebagai sasaran gaji yang ditetapkan. Situasi ini mencerminkan struktur gaji yang lebih seimbang iaitu setiap peningkatan kemahiran dan tanggungjawab disertai dengan peningkatan ganjaran yang lebih setimpal. Matlamat mewujudkan struktur gaji yang lebih seimbang adalah untuk menyediakan laluan kenaikan gaji yang lebih jelas dan mampan sekali gus membolehkan pekerja memperoleh tahap gaji yang wajar.

Simulasi penjajaran antara produktiviti dengan gaji dalam Rajah 1.1.9. menekankan prasyarat asas bagi memastikan kenaikan gaji secara mampan iaitu gaji benar perlu meningkat seiring dengan produktiviti dalam jangka masa sederhana dan panjang. Penjajaran ini dapat mengelakkan jurang antara kos buruh dengan keupayaan produktif daripada terus melebar memandangkan perkara ini boleh menjejaskan daya saing firma dan keputusan penggajian pekerja. Sebaliknya, bahagian pendapatan buruh akan merosot jika peningkatan produktiviti pekerja tidak disertai dengan peningkatan gaji yang sewajarnya sekali gus berpotensi mengehadkan permintaan domestik. Oleh itu, ekonomi bergaji tinggi yang mampan memerlukan produktiviti dan gaji benar meningkat secara sejajar[2].

Namun demikian, cabaran utama dalam pasaran buruh yang mengekang pencapaian outcome yang dihasratkan berpunca daripada integrasi yang terhad antara penawaran dengan permintaan kemahiran. Institusi pendidikan dan latihan berperanan menyediakan penawaran tenaga kerja manakala jenis kemahiran, pekerjaan dan jawatan yang diperlukan dalam ekonomi ditentukan oleh pihak industri. Apabila penjajaran kedua-dua aspek ini kurang berkesan, pasaran buruh mungkin berdepan isu ketidakpadanan kemahiran yang berterusan, pengangguran dan guna tenaga tidak penuh dalam kalangan belia, pertumbuhan gaji yang perlahan serta jurang antara produktiviti dengan gaji. Keadaan ini menunjukkan bahawa penambahbaikan dalam pendidikan dan latihan sahaja mungkin tidak mencukupi untuk menghasilkan outcome gaji yang lebih baik melainkan firma turut sama mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi dan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran yang lebih tinggi.

Melangkah ke Hadapan

Fasa reformasi gaji Malaysia yang seterusnya perlu melangkaui usaha meningkatkan lantai gaji ke arah membina tangga gaji yang lebih progresif bagi membolehkan pekerja menikmati kemajuan kerjaya yang lebih bermakna. Walaupun pelaksanaan gaji minimum nasional secara berkesan kekal penting bagi melindungi pekerja dalam segmen bawahan pasaran buruh, namun peraturan gaji semata-mata tidak dapat mengubah struktur asas pekerjaan dan industri. Kenaikan gaji yang mampan memerlukan pendekatan lebih menyeluruh dengan memperkukuh peluang pekerja untuk menikmati kenaikan tangga gaji. Pada masa yang sama, usaha perlu dipergiat bagi meningkatkan keupayaan firma untuk menawarkan gaji yang lebih kompetitif melalui pertumbuhan produktiviti dan aktiviti ekonomi bernilai lebih tinggi. Pendekatan ini penting memandangkan guna tenaga masih tertumpu dalam industri berintensifkan buruh yang secara relatifnya bergaji rendah.

Justeru, keutamaan perlu diberikan untuk mempercepat peningkatan keupayaan industri berintensifkan buruh khususnya PMKS. Penyediaan sokongan dasar akan membolehkan firma menerima pakai teknologi, meningkatkan kecekapan pengurusan dan organisasi, memodenkan proses perniagaan, memperkukuh jaringan pasaran domestik dan global serta beralih secara

[2] Laporan terkini World Bank, *Malaysia Economic Monitor: Raising the Ceiling, Raising the Floor* mendokumentasikan tahap penumpuan antara pertumbuhan gaji dengan pertumbuhan produktiviti buruh di Malaysia.

berperingkat kepada aktiviti bernilai lebih tinggi. Peningkatan kecekapan dapat mempertingkatkan nilai ditambah dan produktiviti firma serta memperkukuh kapasiti industri untuk menyokong peningkatan gaji yang bermakna dan mampan merentas pelbagai tahap kemahiran.

Pada masa yang sama, pembangunan tenaga kerja perlu diselaraskan secara strategik dengan perubahan permintaan terhadap kemahiran. Pengukuhan pendidikan, termasuk TVET, latihan semula dan peningkatan kemahiran kekal penting. Namun begitu, penambahbaikan dalam penawaran bakat hanya akan menjana outcome gaji yang lebih baik apabila firma mewujudkan pekerjaan yang memanfaatkan dan memberikan ganjaran yang setimpal dengan keupayaan tersebut. Keadaan ini memerlukan penyelarasan strategik antara institusi pendidikan dan latihan dengan industri bagi meningkatkan pemadanan pekerjaan. Inisiatif sedia ada seperti Dasar Gaji Progresif dan Akademi Dalam Industri menyediakan asas kukuh untuk mempererat jaringan kerjasama.

Peningkatan keupayaan perniagaan perlu disokong dengan sistem gaji yang lebih berstruktur dan komprehensif. Gaji minimum perlu terus dikekalkan sebagai lantai gaji nasional. Pada masa yang sama, pertimbangan wajar diberikan kepada pelaksanaan lantai gaji sektoral yang mencerminkan tahap produktiviti dan keadaan gaji, khususnya dalam industri bergaji rendah yang berterusan dengan memastikan kadar lantai gaji sektoral tidak boleh lebih rendah daripada gaji minimum nasional. Kerangka kenaikan gaji tahunan yang berstruktur dapat menyediakan panduan lebih jelas kepada pekerja bagi peningkatan gaji berdasarkan pengalaman, kemahiran, kompetensi, tanggungjawab dan produktiviti. Peluasan liputan perjanjian kolektif pula dapat melengkapi kerangka ini dengan menyediakan saluran yang lebih komprehensif kepada majikan dan pekerja untuk melaksanakan tangga gaji khusus mengikut industri dan pekerjaan termasuk kenaikan gaji tahunan yang bersesuaian, laluan kerjaya serta pelarasan gaji yang dihubungkan dengan produktiviti.

Kesimpulan

Usaha melonjakkan tahap gaji PMKS yang berintensifkan buruh harus dijadikan sebagai teras utama bagi mencetuskan impak lonjakan besar yang menyeluruh. Langkah ini penting untuk menstrukturkan semula tangga gaji negara sekali gus membolehkan lebih ramai pekerja mendapat manfaat daripada rantaian bernilai lebih tinggi serta menikmati pertumbuhan pendapatan yang bermakna. Bagi tujuan ini, rangka kerja bersepadu diperlukan untuk menyelaraskan aspek permintaan dan penawaran dalam pasaran buruh. Dari sudut permintaan, langkah intervensi perlu menyokong transformasi industri dan peningkatan keupayaan firma untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi. Dari sudut penawaran pula, tumpuan perlu diberikan kepada pemantapan kemahiran, pengoptimuman padanan pekerjaan dan laluan kerjaya. Di samping itu, produktiviti perlu berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan strategi tersebut bagi menjamin kecekapan perniagaan dan kompetensi pekerja dapat diterjemahkan secara langsung kepada pertumbuhan output, pengukuhan daya saing serta kenaikan gaji yang mampan. Justeru, asas-asas yang kukuh dapat mempercepat pewujudan struktur tangga gaji yang lebih progresif di Malaysia demi menjamin setiap pekerja menikmati peningkatan pendapatan secara mampan selaras dengan matlamat Ekonomi MADANI.

Tatakelola dan Ketelusan

Pembaharuan tatakelola terus menunjukkan kemajuan sekali gus memperkukuh asas institusi Malaysia. Walau bagaimanapun, cabaran utama adalah untuk menterjemahkan pembaharuan tersebut kepada keberhasilan yang lebih pantas, telus dan boleh diukur. Walaupun kedudukan tatakelola di Malaysia telah bertambah baik, namun cabaran berkaitan kedaulatan undang-undang, politik dan ekonomi masih wujud. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, kecekapan penguatkuasaan serta proses kawal selia dan pentadbiran yang menepati masa yang ditetapkan. Selain itu, peningkatan keperluan dalam aspek pendidikan, penuaan penduduk, penjagaan kesihatan, perlindungan sosial dan transformasi digital di samping keperluan membina semula penampan fiskal dan menguruskan tahap hutang, menekankan kepentingan untuk meningkatkan nilai dan keberkesanan setiap ringgit yang dibelanjakan.

Inisiatif Strategik – Belanjawan 2027

Belanjawan 2027 iaitu Belanjawan MADANI yang kelima dan tahun kedua di bawah RMK13 menandakan langkah penting dalam memajukan kerangka Ekonomi MADANI di samping mengimbangi antara menangani keperluan segera rakyat dan memudah cara aktiviti perniagaan. Berlandaskan momentum pembaharuan, Belanjawan ini akan memberi penumpuan terhadap pengukuhan daya tahan dan daya saing ekonomi Malaysia bagi memastikan manfaat pertumbuhan dapat dinikmati secara meluas. Inisiatif strategik akan bertunjangkan kepada usaha memacu pembaharuan tatakelola bagi meningkatkan keberkesanan institusi dan kemampanan fiskal, menaikkan siling menerusi aktiviti ekonomi bernilai lebih tinggi dan pelaburan berkualiti serta menaikkan lantai dengan menambah baik taraf hidup dan perlindungan sosial.

Tatakelola

Pengurusan fiskal yang berhemat dan pengurusan ekonomi yang kukuh termasuk penambahbaikan proses perolehan kerajaan, pematuhan audit serta iltizam terhadap dasar antirasuah kekal menjadi keutamaan Kerajaan. Selain itu, karenah birokrasi akan dikurangkan melalui peluasan GovTech termasuk integrasi data merentas agensi dan perkhidmatan digital dari hujung ke hujung bagi memperkukuh tatakelola. Pembaharuan institusi akan terus dilaksanakan melalui cadangan penggubalan perundangan seperti rang undang-undang pengasingan kuasa antara Peguam Negara dengan Pendakwa Raya, rang undang-undang ombudsman yang komprehensif, rang undang-undang kebebasan maklumat dan rang undang-undang entiti milik kerajaan. Penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus dan cekap akan mengurangkan kos urus niaga sekali gus memperkukuh keyakinan pelabur, daya saing perniagaan dan kepercayaan awam di samping menyokong agenda pembangunan negara.

Keutamaan juga akan diberikan kepada projek HGHV yang menangani jurang infrastruktur kritikal, memperkukuh kesalinghubungan dan pembangunan wilayah, meningkatkan kapasiti serta daya tahan ekonomi serta menjana pulangan sosial dan ekonomi yang mampan. Dalam usaha ini, penyelarasan keseluruhan kerajaan akan diberikan penekanan bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan pertindihan program. Langkah tersebut akan dilengkapi dengan penerusan rasionalisasi subsidi dan pembaharuan sektor awam bagi mewujudkan ruang fiskal untuk keutamaan strategik. Belanjawan 2027 akan memastikan setiap ringgit disalurkan kepada program dan projek yang memberikan pulangan ekonomi

dan sosial tertinggi, memperkukuh daya tahan fiskal jangka masa panjang Malaysia serta menyokong pertumbuhan yang inklusif dan mampan.

Menaikkan Siling

Peranan PMKS penting dalam mewujudkan peluang pekerjaan, memupuk inovasi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu, akses kepada pembiayaan bagi PMKS yang terlibat dalam aktiviti berorientasikan eksport dan HGHV akan terus diperkukuh melalui program jaminan SJPP yang dilengkapi dengan skim jaminan pascakrisis BNM-CGC bernilai RM10 bilion. Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dengan kerjasama institusi kewangan dan agensi kerajaan juga akan menyediakan sokongan kewangan strategik bagi meningkatkan skala dan memperluas perusahaan Bumiputera sejajar dengan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35). Langkah tersebut akan melengkapi sokongan pendigitalan yang dilaksanakan melalui SME Corp. Malaysia dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), bagi membantu PMKS menerima guna teknologi, meningkatkan produktiviti dan memperkukuh keupayaan untuk beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Perolehan kerajaan, pelaburan GLIC serta pengkomersialan R&D awam yang lebih kukuh terus menyediakan peluang kepada PMKS tempatan untuk membina reputasi, membangunkan produk dan harta intelek milik Malaysia serta mengembangkan operasi ke peringkat antarabangsa. Sokongan tersebut bertujuan memastikan nilai untuk wang yang jelas dan memastikan persaingan yang adil, ketelusan dan tadbir urus yang baik selaras dengan aspirasi ‘Made by Malaysia’.

Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada penyediaan peluang yang signifikan untuk memperdalam kesan pengganda bagi menarik pelaburan berkualiti. Langkah ini termasuk memperkukuh Pusat Pemudahcaraan Pelaburan Malaysia (IMFC) bagi mempercepat kelulusan merentas pihak berkuasa Persekutuan dan negeri, penyedia utiliti serta agensi teknikal. Pada masa yang sama, Belanjawan 2027 akan menyegerakan realisasi komitmen pelaburan kepada pelaksanaan projek dengan memudah cara selepas kelulusan dan pemantauan lebih rapi sepanjang kitaran hayat pelaburan termasuk menangani isu berkaitan kelulusan tanah dan utiliti serta ketersediaan bakat. Kerangka Insentif Baharu (NIF) berasaskan keberhasilan yang baru diperkenalkan akan memberikan lebih penekanan kepada peningkatan teknologi, pekerjaan berkualiti, pembangunan pembekal tempatan, pemindahan teknologi, R&D&C&I serta peningkatan produktiviti. Kerangka ini juga akan memperkukuh penciptaan nilai domestik dengan membolehkan syarikat dan PMKS Malaysia berintegrasi dalam rantaian bekalan pelabur yang memasuki negara. Keutamaan akan diberikan kepada sektor strategik termasuk semikonduktor, AI, perkhidmatan digital, peralihan tenaga, farmaseutikal, logistik dan aeroangkasa sejajar dengan NIMP 2030, NETR, NSS dan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 serta hab serantau seperti JS-SEZ, Kulim Hi-Tech Park dan Penang Silicon Island. Berlandaskan peningkatan kedudukan Malaysia ke tempat ke-15 dalam IMD World Competitiveness Ranking 2026, usaha tersebut akan menyokong aspirasi untuk mencapai kedudukan 12 teratas di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

Peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim membuka peluang untuk memperkukuh ketahanan ekonomi di samping meneroka sumber pelaburan dan pertumbuhan baharu. Kerajaan akan mempercepat pelaburan dalam kapasiti TBB, penyimpanan bateri, penaiktarafan grid nasional dan kesalinghubungan ASEAN serta kecekapan tenaga di bawah Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA) 2024. Selain itu, teknologi rendah karbon termasuk pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) serta hidrogen akan turut diberikan keutamaan

dalam memajukan usaha penyahkarbonan. Di samping itu, bagi memenuhi permintaan industri yang kian meningkat terutamanya daripada industri baharu seperti AI dan pusat data, tumpuan akan diberikan dalam memastikan ketersediaan bekalan tenaga dan air yang mencukupi serta berdaya harap. Insentif akan disesuaikan berdasarkan prestasi kecekapan tenaga dan air bagi memastikan pengembangan ekonomi digital tidak memberikan tekanan yang berlebihan terhadap bekalan sumber atau menambah beban kos kepada rakyat. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan digalakkan untuk mengadakan sesi libat urus yang berstruktur dengan pihak berkepentingan, merangka garis panduan yang komprehensif serta melaksanakan program pembangunan kapasiti yang bersasar bagi memenuhi keperluan industri baharu muncul. Usaha tersebut akan terus memperkukuh daya tahan perniagaan dan komuniti.

Kerajaan akan terus menambah baik akses kepada pembiayaan, bantuan teknikal dan infrastruktur teknologi guna sama dalam memajukan pertanian pintar, pertanian jitu, automasi dan teknologi digital. Penekanan lebih besar akan diberikan kepada usaha mengurangkan kehilangan lepas tuai dengan memperkukuh kemudahan penyimpanan, rantaian sejuk, pemprosesan dan pengedaran sekali gus meningkatkan ketersediaan dan kebolehpercayaan bekalan makanan domestik. Belanjawan 2027 akan mempercepat penerimagunaan teknologi, daya tahan rantaian bekalan dan aktiviti pengkomersialan dengan menekankan kerjasama lebih erat antara petani, institusi penyelidikan dan industri bagi memodenkan pertanian serta meningkatkan keterjaminan makanan. Langkah tersebut akan menyokong produktiviti yang lebih tinggi, meningkatkan pendapatan, menggalakkan penyertaan lebih ramai agropreneur muda dan berorientasikan teknologi serta menjana aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Pengurusan bekalan secara strategik dan penguatkuasaan juga akan diteruskan bagi menstabilkan bekalan dan harga barangan makanan keperluan untuk rakyat.

Memajukan pendigitalan dan AI kekal sebagai keutamaan pentadbiran MADANI. Berpandukan Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2030 dan inisiatif seperti AI untuk Rakyat, Belanjawan 2027 akan meneruskan momentum bagi memperluas penerimagunaan AI dan teknologi digital merentas ekonomi dan perkhidmatan awam di samping memperkukuh literasi AI dan keupayaan digital dalam kalangan pekerja dan PMKS supaya manfaat AI dapat dinikmati oleh semua. Kemajuan awal Malaysia dalam PQC membuka peluang untuk memperkukuh daya tahan keselamatan siber di samping membangunkan keupayaan teknologi domestik. Pelaksanaan Pelan Migrasi PQC Kebangsaan 2025 — 2030 melalui sandbox kawal selia, program perintis rentas agensi dan kerjasama antara kerajaan dengan industri yang lebih kukuh boleh mempercepat migrasi pendigitalan yang selamat merentas sektor kritikal. Peningkatan penerimagunaan dan pengkomersialan penyelesaian keselamatan siber yang dibangunkan dalam negara boleh mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar di samping mewujudkan lebih banyak harta intelek, pekerjaan berkemahiran dan aktiviti ekonomi baharu. Keupayaan tersebut akan memperkukuh kedaulatan digital dan meletakkan Malaysia pada kedudukan lebih baik untuk merebut peluang serantau yang muncul dalam teknologi keselamatan siber dan kriptografi termaju. Selain itu, keselamatan siber termasuk pencegahan penipuan dalam talian, pengukuhan daya tahan data dan perlindungan infrastruktur kritikal akan dipertingkatkan sebagai komponen utama keselamatan negara memandangkan ancaman digital kini memberikan kesan secara langsung kepada rakyat, perniagaan dan kestabilan sistem kewangan.

Menaikkan Lantai

Selaras dengan peranan penting infrastruktur dalam menyokong ekonomi dan pembangunan komuniti, perbelanjaan awam akan ditumpukan kepada pelaburan yang memberikan nilai terbaik untuk rakyat. Bagi menyokong hasrat ini, Belanjawan 2027 akan menumpukan kepada usaha meningkatkan penyediaan jaringan pengangkutan, infrastruktur digital serta kemudahan penjagaan kesihatan dan pendidikan yang berkualiti. Usaha ini akan memacu pertumbuhan seimbang merentas wilayah dan negeri terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan memberi penekanan terhadap kawasan luar bandar serta pedalaman bagi merapatkan jurang antara bandar dengan luar bandar. Pada masa yang sama, pembangunan bandar secara mampan akan meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam, kemampuan pemilikan dan penyewaan rumah serta daya huni bandar sekali gus menambah baik kualiti hidup isi rumah secara keseluruhan.

Bagi kawasan luar bandar, Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh ketersambungan fizikal dan digital, memperluas akses kepada perkhidmatan perlu, meningkatkan produktiviti pertanian dan perusahaan luar bandar serta mewujudkan peluang ekonomi lebih besar untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan merapatkan jurang pembangunan. Usaha tersebut akan disokong oleh pelbagai program berteraskan komuniti yang menumpukan kepada strategi meningkatkan pemilikan ekonomi Bumiputera dan mencungkil potensi sepenuhnya golongan belia, wanita dan masyarakat peribumi serta koperasi dan ekonomi sosial. Penekanan turut diberikan dalam penyediaan infrastruktur dengan reka bentuk sejagat dan peningkatan akses kepada peluang pekerjaan bagi menggalakkan penyertaan golongan OKU dalam aktiviti ekonomi.

Kerajaan akan terus memperkukuh sistem perlindungan sosial supaya lebih inklusif dan komprehensif seiring dengan perkembangan dinamik demografi, ekonomi dan pasaran buruh. Belanjawan 2027 akan terus melaksanakan pemberian bantuan tunai dan subsidi secara bersasar termasuk BUDI MADANI bagi meringankan tekanan kos sara hidup. Justeru, mekanisme untuk mengenal pasti penerima yang layak bagi STR dan SARA serta skim bantuan kebajikan untuk kanak-kanak, warga emas, OKU dan kumpulan mudah terjejas yang lain akan ditambah baik bagi meminimumkan ralat pemasukan dan penyisihan. Selain itu, rangka kerja persaraan dan perlindungan keselamatan sosial di bawah KWSP dan PERKESO akan dinilai semula untuk memastikan kecukupan dan kemampanan perlindungan dalam jangka masa panjang dengan memberikan keutamaan kepada usaha memperluas liputan kepada pekerjaan tidak formal serta golongan yang bekerja sendiri termasuk pekerja gig. Memandangkan Malaysia adalah sebuah negara menua, keutamaan juga akan diberikan untuk membangunkan ekonomi penjagaan dan meningkatkan tahap kecukupan simpanan persaraan termasuk penjagaan jangka masa panjang dan berasaskan komuniti. Melangkaui bantuan kewangan secara langsung, penekanan yang lebih akan diberikan kepada usaha membantu penerima manfaat menjana pendapatan secara mampan melalui pembangunan kemahiran yang strategik dan sokongan keusahawanan. Inisiatif tersebut dapat meningkatkan keupayaan mandiri dari segi ekonomi dalam jangka masa panjang bagi mendepani sebarang kejutan pendapatan.

RENCANA 1.2

Peranan Inisiatif Kerajaan dalam Menampan Peningkatan Kos Sara Hidup

Pengenalan

Malaysia sebagai ekonomi kecil dan terbuka terdedah kepada ketidaktentuan global yang semakin meningkat termasuk turun naik harga tenaga dunia. Gangguan kepada saluran harga boleh meningkatkan kos import dan pengeluaran, menambah tekanan kepada harga pengguna seterusnya menjejaskan aktiviti perniagaan dan perbelanjaan isi rumah. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia sebagai pengeksport bersih tenaga menjadi penampan terhadap kesan kejutan luaran terhadap ekonomi domestik. Sehubungan dengan itu, artikel ini meneliti:

- kesan peningkatan harga minyak global terhadap harga pengeluar dan pengguna;
- inisiatif Kerajaan dalam mengurangkan impak peningkatan harga minyak di pam terhadap isi rumah; dan
- peranan bantuan tunai dalam meringankan perbelanjaan isi rumah.

Saluran Transmisi Harga

Harga minyak mentah global yang lebih tinggi boleh meningkatkan kos pengeluaran domestik melalui kenaikan kos tenaga dan input perantaraan. Peningkatan kos tersebut diterjemahkan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) sebelum disalurkan kepada Indeks Harga Pengguna (IHP) khususnya bagi barangan makanan dan perkhidmatan berkaitan pengangkutan yang bergantung kepada input tenaga dan import. Harga minyak Brent yang merupakan penanda aras harga minyak mentah global digunakan bagi menganalisis kesan pindahan terhadap inflasi dalam negeri berdasarkan peranan sebagai penanda aras harga minyak mentah global. Rajah 1.2.1. menunjukkan saluran transmisi tekanan kos luaran kepada harga pengguna melalui peningkatan kos pengeluaran domestik.


RAJAH 1.2.1. *Saluran Transmisi daripada Harga Minyak Mentah Global kepada Harga Pengguna*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Analisis empirikal telah dijalankan bagi menilai transmisi peningkatan harga minyak mentah terhadap IHPR dan IHP. Hasil analisis menunjukkan bahawa kenaikan harga minyak mentah Brent sebanyak USD20 secara relatif akan meningkatkan IHPR sebanyak 0.74 mata peratusan (ppt) dan IHP sebanyak 0.14 ppt dalam jangka masa pendek. Rajah 1.2.2. menunjukkan kesan pindahan kepada IHP hanya sekitar 20% daripada IHPR sekali gus membuktikan bahawa peningkatan kos pengeluaran disalurkan secara terkawal kepada harga pengguna.


RAJAH 1.2.2. *Impak Makroekonomi terhadap IHPR dan IHP*



Nota: USD20 mewakili perbezaan antara anggaran harga minyak mentah Brent dalam Tinjauan Ekonomi 2026 dengan anggaran harga semasa
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Analisis lanjut menunjukkan bahawa kesan pindahan daripada harga pengeluar kepada harga pengguna mengalami peningkatan ketara dalam tempoh empat bulan pertama sebelum meningkat secara beransur-ansur sehingga mencapai sekitar 40% dalam jangka masa panjang seperti dalam Rajah 1.2.3. Kesan transmisi yang terkawal ini selari dengan bukti empirikal bagi Malaysia yang menunjukkan bahawa tindak balas kejutan harga minyak terhadap harga pengguna cenderung lebih rendah berbanding harga pengeluar. Dapatan ini antara lain mencerminkan peranan subsidi tenaga dan inisiatif berkaitan harga dalam menangani impak terhadap harga pengguna (Husaini et al., 2019; Sek, 2017). Penemuan tersebut membuktikan peranan Kerajaan dalam mengurangkan tekanan kos luaran dan mengehadkan impak kenaikan kos pengeluaran daripada dipindahkan kepada pengguna.

RAJAH 1.2.3. *Pindahan Kos daripada IHPR kepada IHP*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Walaupun pindahan kos kepada harga pengguna secara relatif adalah terkawal, namun isi rumah masih berhadapan dengan beban kewangan yang berbeza bergantung kepada tahap pendapatan dan corak perbelanjaan. Transmisi peningkatan kos pengeluaran kepada harga pengguna masih boleh dikawal berikutan pelbagai usaha Kerajaan seperti penstabilan harga bahan api serta bantuan tunai dan subsidi bersasar bagi memperkukuh daya tahan isi rumah.


Ikhtiar Kerajaan dalam Menampan Impak Peningkatan Kos Sara Hidup

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha secara menyeluruh dan saling melengkapi bagi mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup dan melindungi kesejahteraan isi rumah khususnya ketika tekanan kos luaran yang kian meruncing. Usaha tersebut dilaksanakan melalui dua saluran utama iaitu **langkah penstabilan harga** dan **bantuan bersasar**. Langkah penstabilan harga membantu mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan keperluan. Bantuan bersasar pula menyediakan sokongan kewangan secara langsung bagi meningkatkan baki pendapatan[1] isi rumah dan kumpulan rentan yang layak. Usaha tersebut membantu mengekalkan kuasa beli isi rumah dalam menghadapi peningkatan perbelanjaan dan memperkukuh keupayaan kewangan dalam mendepani kos sara hidup yang lebih tinggi.

Langkah penstabilan harga terutamanya penetapan had harga RON95 dan diesel membantu mengawal transmisi kenaikan harga tenaga global kepada kos barangan keperluan tempatan seperti dalam Rajah 1.2.4. Ikhtiar ini penting terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah yang mempunyai baki pendapatan yang lebih kecil dan kekangan kewangan untuk menghadapi peningkatan perbelanjaan barangan keperluan. Usaha ini juga membantu mengehadkan tekanan perbelanjaan isi rumah pada peringkat awal dengan mengekalkan harga minyak bersubsidi di pam pada RM1.99 seliter meskipun melibatkan peningkatan komitmen fiskal Kerajaan sekitar RM40 bilion.

[1] Baki pendapatan merujuk kepada pendapatan kasar tolak jumlah perbelanjaan

RAJAH 1.2.4. *Langkah Penstabilan Harga dan Kesan kepada Isi Rumah*




Nota: Krisis merujuk kepada konflik di Asia Barat yang bermula pada akhir Februari 2026. Setiap kuintil mewakili 20% daripada isi rumah yang dibangunkan dengan menggabungkan dua desil daripada HIS 2024
Kuintil pendapatan (Q): Q1: < RM3,809; Q2: RM3,810 – RM5,859; Q3: RM5,860 – RM8,599; Q4: RM8,600 – RM12,679; dan Q5: ≥ RM12,680

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Bantuan bersasar sebanyak RM15 bilion yang diperuntukkan bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) pada 2026 telah memperkukuh keupayaan kewangan isi rumah dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup. Analisis isi rumah menunjukkan bahawa bantuan Kerajaan meningkatkan baki pendapatan isi rumah setelah mengambil kira perbelanjaan penggunaan seperti dalam Rajah 1.2.5. Isi rumah Q1 yang mempunyai baki pendapatan terkecil mencatat peningkatan baki pendapatan yang ketara apabila menerima bantuan Kerajaan. Walau bagaimanapun, impak penerimaan bantuan Kerajaan secara relatif menjadi semakin kecil bagi kumpulan berpendapatan lebih tinggi sekali gus menunjukkan keupayaan yang lebih besar dalam menghadapi kos tambahan.

RAJAH 1.2.5. *Bantuan Bersasar dan Kesan kepada Isi Rumah*



Nota: Bantuan bersasar merujuk kepada bantuan Persekutuan termasuk STR, bantuan persekolahan serta sumbangan tunai

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Kesimpulan

Ketidaktentuan global meningkatkan tekanan kos luaran kepada industri dan pengguna di Malaysia berikutan kenaikan harga minyak dunia dan komoditi. Walaupun impak peningkatan kos sara hidup berbeza merentas isi rumah, namun analisis simulasi mikro mendapati bantuan Kerajaan menyediakan sokongan tambahan kepada isi rumah berpendapatan rendah. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa bantuan Kerajaan saling melengkapi dalam melindungi kehidupan isi rumah khususnya ketika tekanan kos kian meningkat. Langkah penstabilan harga membantu mengawal peningkatan kos perbelanjaan isi rumah melalui saluran harga manakala bantuan bersasar memperkukuh keupayaan isi rumah dengan meningkatkan baki pendapatan. Justeru, gabungan ikhtiar tersebut membolehkan Kerajaan meringankan beban kewangan, mengekalkan penggunaan dan mengurangkan risiko kemerosotan ketara dalam taraf hidup khususnya kumpulan rentan.

Capaian sejagat kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan mampu bayar adalah penting dalam meningkatkan taraf hidup dan memacu mobiliti sosial. Di bawah Belanjawan 2027, pelaburan dalam bidang pendidikan akan memberikan keutamaan kepada peningkatan capaian kepada pembelajaran berkualiti dan outcome pendidikan. Pembaharuan pendidikan yang diterajui oleh Majlis Pendidikan Negara selaras dengan RMK13 akan memberikan penekanan kepada literasi dan numerasi, TVET, STEM, keupayaan digital dan AI, penguasaan bahasa serta pembangunan sahsiah di samping merapatkan jurang pendidikan merentas wilayah dan kumpulan sosioekonomi. Penekanan akan diberikan kepada langkah mewajibkan pendidikan awal kanak-kanak bagi memupuk perkembangan kognitif asas. Selaras dengan keperluan yang berbeza merentas pelbagai kawasan di seluruh negara, pembinaan sekolah akan ditetapkan sebagai syarat wajib dalam projek perumahan berskala besar. Selain itu, keupayaan digital dan AI akan disepadukan merentas pelbagai peringkat pengajaran dan pembelajaran disokong kerjasama kukuh antara pihak industri dengan ahli akademik menggunakan model pembelajaran berasaskan tempat kerja. Usaha ini bagi menyediakan tenaga kerja masa hadapan yang berupaya mengekalkan produktiviti seiring dengan populasi yang semakin menua.

Pada masa yang sama, inisiatif berkaitan penjagaan kesihatan akan menumpukan kepada peningkatan capaian, tahap mampu bayar dan kapasiti sistem secara keseluruhan, mengurangkan kesesakan di kemudahan kesihatan awam, memperkukuh tenaga kerja kesihatan di samping mengawal peningkatan kos perubatan. Justeru, Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri untuk Kos Penjagaan Kesihatan Swasta akan terus menerajui usaha sama awam swasta secara bersepadu bagi menangani peningkatan kos rawatan. Pelaburan modal berterusan dalam infrastruktur penjagaan kesihatan awam, penjagaan preventif dan kesihatan primer serta rekod perubatan elektronik menggunakan teknologi AI kekal sebagai teras kepada kemajuan sistem penjagaan kesihatan. Penerimagunaan penyelesaian Internet Benda (IoT) juga akan dipergiat untuk meningkatkan kecekapan dan daya tindak balas penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Inisiatif tersebut akan diperkukuh melalui peluasan kerjasama awam swasta bagi penyediaan perkhidmatan perubatan bernilai tinggi serta pembaharuan struktural dalam pembiayaan kesihatan untuk memenuhi perubahan demografi dan permintaan penjagaan kesihatan.

Penambahbaikan mekanisme penetapan gaji dan kebolehpasaran kekal menjadi komponen penting dalam pembaharuan pasaran buruh. Belanjawan 2027 akan memberikan tumpuan kepada inisiatif utama termasuk mempercepat peralihan industri terutamanya dalam kalangan PMKS ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi melalui penerimagunaan teknologi, pendigitalan serta integrasi dalam

rantaian bekalan global sekali gus menjadikan PMKS sebagai sumber pekerjaan bergaji tinggi. Kerjasama yang selaras antara pihak industri dengan institusi pendidikan juga akan diperkukuh termasuk menerusi program TVET diterajui industri, perantisan, latihan semula dan peningkatan kemahiran serta literasi AI bagi memastikan pembangunan bakat dan pemadanan pekerjaan lebih cekap. Sementara itu, usaha untuk menterjemahkan peningkatan produktiviti kepada kenaikan gaji yang mampan juga akan diperkasakan. Selain itu, gaji yang lebih tinggi perlu dijadikan sebagai pemangkin pertumbuhan perniagaan yang mampan dengan meningkatkan motivasi dan produktiviti pekerja. Majikan juga digalakkan untuk mengutamakan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan yang sepadan dengan kelayakan dan tahap kemahiran. Sementara itu, kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing berkemahiran rendah akan terus dikurangkan melalui automasi dan perancangan tenaga kerja secara berkesan.

Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif pelarasan gaji yang menyeluruh melalui semakan semula gaji minimum berkanun dan gaji kehidupan wajar di samping menyokong pelaksanaan mekanisme gaji berasaskan prestasi sebagai usaha meningkatkan kuasa beli pekerja dan memperkukuh permintaan domestik. Kerjasama antara tiga pihak akan diperkukuh melalui dialog sosial bagi membincangkan keperluan kenaikan gaji tahunan berstruktur secara mandatori[1].

Gaji kehidupan wajar yang diterima pakai oleh GLIC dan GLC akan dinilai semula dan dijangka menjadi penanda aras kepada sektor korporat lain terutamanya dalam menetapkan gaji permulaan minimum bagi graduan. Liputan perjanjian kolektif perlu diperluas bagi memperkukuh kuasa tawar-menawar pekerja demi menambah baik terma pekerjaan. Sementara itu, strategi untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh melalui penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan berkualiti, aturan kerja fleksibel serta sokongan kembali bekerja akan terus diberi keutamaan di bawah Belanjawan 2027. Langkah strategik tersebut akan memperkukuh daya tahan pasaran buruh dan menyumbang dalam pencapaian sasaran 45% PP kepada KDNK serta 60% kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh di bawah Kerangka Ekonomi MADANI.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia yang kini berdaya tahan akan memasuki fasa selanjutnya dalam pembaharuan ekonomi dan dijangka mencatat pertumbuhan antara 4.2% dan 5.2% pada 2027. Pertumbuhan ini akan disokong oleh pengurusan ekonomi yang kukuh, permintaan domestik yang teguh serta pembaharuan struktural secara berterusan seperti digariskan dalam Belanjawan 2027. Usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi bernilai lebih tinggi dengan produktiviti dan keterangkuman yang lebih baik akan terus menjadi keutamaan. Manakala, pelaburan perlu menjana keupayaan domestik yang lebih teguh, memperkukuh kesalinghubungan dalam kalangan syarikat tempatan, mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Belanjawan 2027 akan memastikan isi rumah terus dilindungi melalui bantuan bersasar disokong akses lebih baik kepada infrastruktur, pendidikan, penjagaan kesihatan, mobiliti dan perlindungan sosial. Disiplin fiskal dan tadbir urus lebih kukuh serta institusi yang berwibawa diperlukan untuk mencapai matlamat ini. Komitmen dasar perlu diterjemahkan kepada pelaksanaan mengikut tempoh yang ditetapkan, akauntabiliti yang jelas dan outcome yang boleh diukur. Kerangka Ekonomi MADANI akan terus berperanan sebagai agenda penyampaian bersepadu demi meningkatkan potensi negara seterusnya menambah baik taraf hidup rakyat.

[1] Kenaikan perlu munasabah dengan mengambil kira inflasi dan konsep gaji kehidupan wajar. Sebagai contoh kadar pelarasan indikatif boleh ditetapkan sekitar 3%–5% setahun. Kadar tersebut secara amnya selari dengan dapatan kaji selidik gaji oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, yang menunjukkan kenaikan gaji purata sekitar 5% untuk pekerja eksekutif dan bukan eksekutif. Purata pelarasan gaji secara menyeluruh bagi pekerja di bawah perjanjian kolektif sekitar 5% pada 2024.

Rujukan

Asian Productivity Organization. (2024). *Global perspectives on premature deindustrialization: Insights from APO member economies*. https://www.apo-tokyo.org/wp-content/uploads/2024/09/Global-Perspectives-on-Premature-Deindustrialization_PUB.pdf

Bank Negara Malaysia. (2017). *Kertas Strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI)*. https://www.bnm.gov.my/-/strategy-paper-on-value-based-intermediation-strengthening-the-roles-and-impact-of-islamic-finance-1

Bank Negara Malaysia. (2018). *Dokumen Panduan VBI*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/761682/Implementation+Guide+for+Value-based+Intermediation.pdf

Bank Negara Malaysia. (2021). *Climate Change and Principle-based Taxonomy*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/Climate+Change+and+Principle-based+Taxonomy.pdf

Bank Negara Malaysia. (2022a). *Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/PD

Bank Negara Malaysia. (2022b). *Kemudahan Peralihan Karbon Rendah*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/lctf2022_en_broc.pdf

Bank Negara Malaysia. (2022c). *Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Kemampanan (MGII Kemampanan)*. https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-release/mgii-sukuk

Bank Negara Malaysia. (2024). *Kertas Kerja Metodologi Climate Risk Stress Testing (CRST)*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/CRST_Methodolgy_paper_V3.0.pdf

Bank Negara Malaysia. (2026a). *Economic and monetary review 2025*. https://www.bnm.gov.my

Bank Negara Malaysia. (2026b, 6 Januari). *BNM mengumumkan dana tambahan RM2.5 bilion untuk PKS dan pengenalan skim jaminan kredit* [Kenyataan media]. https://www.bnm.gov.my

Bank Negara Malaysia. (2026c, Mei). *Kenyataan mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan* [Kenyataan media]. https://www.bnm.gov.my

Bank Negara Malaysia. (2026d). Navigating the great commodities disruption: Macroeconomic implications of the Middle East conflict to Malaysia. *Quarterly Bulletin*, 1Q 2026, 20–30.

Bank Negara Malaysia, & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3)*. https://www.bnm.gov.my/-/inaugural-meeting-of-joint-committee-on-climate-change

Bank Negara Malaysia, & Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026, 23 Jun). *BNM, SC selaraskan keutamaan strategik dalam memajukan kepimpinan kewangan Islam global Malaysia* [Siaran media bersama]. https://www.bnm.gov.my

Bursa Malaysia. (2015). *Penyata Kemampanan Mandatori bagi Pasaran MAIN dan Pasaran ACE*. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_

Bursa Malaysia. (2022). *Bursa Carbon Exchange*. https://bcx.bursamalaysia.com/products.html

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. (2026, June 3). *CGC to implement RM10 billion BNM-CGC Portfolio Guarantee (PG) and Portfolio Guarantee-i (PG-i) Schemes* [Media statement]. https://www.cgc.com.my

Dewan Rakyat Malaysia. (2026a, 8 Julai). *Jawapan bertulis kepada soalan Wong Shu Qi (Kluang) mengenai pendaftaran MyDigital ID dan integrasi perkhidmatan kerajaan dalam talian* (Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Kelima Belas). Parlimen Malaysia. https://www.parlimen.gov.my/jawapan-bertulis-dr.html?uweb=dr

Dewan Rakyat Malaysia. (2026b, 16 Julai). *Penyata rasmi Dewan Rakyat, 16 Julai 2026*. Parlimen Malaysia. https://hansard.parlimen.gov.my

FTSE Russell, & Bursa Malaysia. (2014). *FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) Index*.

FTSE Russell, & Bursa Malaysia. (2021). *FTSE4Good Bursa Malaysia Shariah Index*.

Government-Linked Investment Companies. (2023). *The Sustainable Investing Standards (SIS)*. https://www.sc.com.my/annual-report-2023/strengthening-the-sustainability-and-competitiveness-of-the-capital-market/facilitating-esg-through-the-capital-market

Human Resource Development Corporation. (2026a). *Laporan kewangan HRD Corp 2025*. https://hrdcorp.gov.my/wp-content/uploads/2026/07/HRD-Corp-Financial-Report-2025-Digital-Version.pdf

Human Resource Development Corporation. (2026b, 13 Januari). *HRD Corp meluluskan RM2.62 bilion bantuan kewangan pada 2025, menyampaikan hasil kemahiran pada skala nasional* [Siaran media]. https://hrdcorp.gov.my/wp-content/uploads/2026/01/Media-Release-Highlights-of-2025.pdf

Husaini, D. H., Puah, C.-H., & Lean, H. H. (2019). Energy subsidy and oil price fluctuation, and price behavior in Malaysia: A time series analysis. *Energy*, 171, 1000–1008. https://doi.org/10.1016/j.energy.2019.01.077

International Institute for Management Development. (2026). *World competitiveness ranking 2026*. https://www.imd.org/centers/wcc/world-competitiveness-center/rankings/world-competitiveness-ranking/

International Monetary Fund. (2026, July 8). *World economic outlook update July 2026: Global economy in crosscurrents of war and technology*. https://www.imf.org/en/publications/weo/issues/2026/07/08/world-economic-outlook-update-july-2026

Jabatan Imigresen Malaysia Bahagian Khidmat Ekspatriat. (2026). *Pas Pelabur* [Soalan Lazim]. https://esd.imi.gov.my/portal/faq/investor-pass/

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Banci Ekonomi 2023: Profil perusahaan kecil dan sederhana*. https://www.dosm.gov.my/site/downloadrelease?id=economic-census-2023-profile-of-small-and-medium-enterprises&lang=English

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025a). *Household expenditure survey report Malaysia 2024*. https://storage.dosm.gov.my/hies/household_expenditure_2024.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025b). *Household income survey report Malaysia 2024*. https://storage.dosm.gov.my/hies/household_income_2024.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026a). *Gross domestic product, income approach 2025*. https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/gross-domestic-product-income-approach-2025

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026b). *Laporan survei gaji & upah 2025*.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2026c). *Laporan survei tenaga buruh 2025*.

Joint Committee on Climate Change. (2023). *ESG Jumpstart Portal*. https://theedgemalaysia.com/node/687376

Joint Committee on Climate Change. (2025a). *Climate Finance Innovation Lab (CFIL)*. https://www.bnm.gov.my/-/jc3-cfil

Joint Committee on Climate Change. (2025b). *JC3 Guidance on Sustainable and Transition Finance*. https://jc3malaysia.com/

Kerajaan Malaysia. (2018). *Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0*. https://www.mgtc.gov.my/our-services/green-technology-financing-scheme/

Kerajaan Malaysia. (2019). *Ecological Fiscal Transfer (EFT)*. https://www.nres.gov.my/ms-my/teras/perhutanan/Documents/Lampiran1-Maklumat_EFT.pdf

Kerajaan Malaysia. (2021a). *Pemataan Belanjawan Kerajaan Persekutuan kepada SDG*. https://mof.gov.my/portal/en/news/speech/malaysian-rating-corporation-berhad-marc-360-sustainable-development-financing-2022

Kerajaan Malaysia. (2021b). *Rangka Kerja Sukuk SDG*. https://financialmarkets.bnm.gov.my/data-download-documents/1848

Kerajaan Malaysia. (2021c). *Terbitan Sukuk Global Malaysia 2021*.

Kerajaan Malaysia. (2022). *Perolehan Hijau Kerajaan* (Pekeliling Perbendaharaan PP/PK 1.9). https://www.scribd.com/document/658998095/Pk-1-9-Dasar-Perolehan-Hijau-Kerajaan-20122022

Kerajaan Malaysia. (2023). *Kemudahan Peralihan Tenaga Negara (NETF)*. https://ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-08/National%20Energy%20Transition%20Roadmap.pdf

Kerajaan Malaysia. (2025). *New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030) Strategic Co-Investment Fund (NIMP COSIF)*. https://www.nimp2030.gov.my/nimp2030/resources/NIMP_2030.pdf

Kerajaan Malaysia. (2026). *Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan*. https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/National%20Carbon%20Market%20Policy%20(DPKK)_NRES_2026.pdf

Keretapi Tanah Melayu Berhad. (2026). *Pas MyRailLife*. https://ihsanmadani.gov.my/inisiatif/pengangkutan/program-myraillife

Kementerian Digital. (2026a, 20 Januari). *MyGOV Malaysia mencatatkan lebih 1 juta muat turun, menyediakan 38 perkhidmatan melibatkan 13 agensi kerajaan* [Siaran media]. https://www.digital.gov.my/en-GB/siaran/MyGOV-Malaysia-Mencatatkan-Lebih-1-Juta-Muat-Turun,Menyediakan-38-Perkhidmatan-Melibatkan-13-Agensi-Kerajaan

Kementerian Digital. (2026b, 28 Julai). *AI Malaysia — Pemacu utama menuju Negara AI 2030* [Siaran media]. https://www.digital.gov.my/en-GB/siaran/AI-Malaysia-Pemacu-Utama-Menuju-Negara-AI-2030

Kementerian Digital. (2026c, 10 Ogos). *MyGOV Malaysia melangkah ke era baharu dengan Agentic AI* [Siaran media]. https://www.digital.gov.my/siaran/MyGOV-Malaysia-Melangkah-Ke-Era-Baharu-Dengan-Agentic-AI

Kementerian Kesihatan Malaysia. (2025, 18 Ogos). *Jawapan bertulis mengenai pelaksanaan sistem Diagnosis Related Group*. Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. https://www.parlimen.gov.my

Kementerian Kewangan Malaysia. (2024). *Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF)*. https://www.investmalaysia.gov.my/media/swqntak1/national-sustainability-reporting-framework.pdf

Kementerian Kewangan Malaysia. (2025a). *Belanjawan 2026: Langkah-langkah percukaian*. https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2026/ucapan/tax-measures.pdf

Kementerian Kewangan Malaysia. (2025b). *Budget 2026 touchpoints*. https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2026/ucapan/touchpoint-budget-en.pdf

Kementerian Kewangan Malaysia. (2025c). *Tinjauan ekonomi 2026*. https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2026/ekonomi/ekonomi-2026.pdf

Kementerian Kewangan Malaysia. (2025d, 10 Oktober). *Ucapan Belanjawan 2026* [Ucapan yang disampaikan di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan]. https://belanjawan.mof.gov.my

Kementerian Kewangan Malaysia. (2026a, 1 Julai). *Subsidi produk petroleum dijangka hampir RM40 bilion tahun ini – MOF*. https://mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/subsidi-produk-petroleum-dijangka-hampir-rm40-bilion-tahun-ini-mof

Kementerian Kewangan Malaysia. (2026b, 15 Ogos). *Penyaluran Sumbangan Tunai Rahmah Fasa 3 kepada 5.3 juta penerima mulai hari ini* [Siaran media]. https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/penyaluran-sumbangan-tunai-rahmah-fasa-3-kepada-5-3-juta-penerima-mulai-hari-ini

Kementerian Pekerjaan dan Buruh Republik Korea. (t.t.). *Gaji dan jam bekerja mengikut umur* [Set data]. Perkhidmatan Maklumat Perangkaan Korea. https://stathtml.moel.go.kr/statHtml/statHtml.do?conn_path=I2&orgId=118&tblId=DT_118N_LCE0004

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. (2026). *Rangka Kerja Insentif Baharu (NIF)*.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2026). *Peluncuran Program MySISWA@JoC Peringkat Kebangsaan 2026*. https://www.mohe.gov.my/en/broadcast/activities/peluncuran-program-mysiswa-joc-peringkat-kebangsaan-2026

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2026a, Julai). *Peserta Malaysia Techlympics 2026 di Kelantan melepasi 200,000 peserta*. https://www.mosti.gov.my/en/berita/peserta-malaysia-techlympics-2026-di-kelantan-melepasi-200000-peserta

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2026b, 15 Julai). *Malaysia Techlympics 2026 sasarkan 1.8 juta peserta dalam usaha pemerkasaan bakat STI* [Kenyataan media]. https://www.mosti.gov.my

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. (2015). *National Conservation Trust Fund (NCTF)*. https://www.nres.gov.my/en-my/Core/Biodiversity/Pages/nctf.aspx

Kementerian Tenaga Kerja Singapura. (2019, 31 Januari). *Pendapatan kasar bulanan daripada pekerjaan 2018* [Set data]. https://stats.mom.gov.sg/Pages/Gross-Monthly-Income-Tables2018.aspx

Kementerian Tenaga Kerja Singapura. (2021, 28 Januari). *Pendapatan kasar bulanan daripada pekerjaan 2020* [Set data]. https://stats.mom.gov.sg/Pages/Gross-Monthly-Income-Tables2020.aspx

Khazanah Nasional Berhad. (2015). *Sukuk Ihsan*. https://www.khazanah.com.my/wp-content/uploads/Khazanah-to-issue-first-Ringgit-denominated-sustainable-and-responsible-investment-sukuk.pdf

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). (2025). *Dana Iklim*. https://www.kwap.gov.my/media-centre/kwap-launches-dana-iklim-catalysing-malaysias-sustainable-investment-ecosystem/

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (t.t.). *Kenyataan media e-Invois*. https://www.hasil.gov.my/en/e-invois/komunikasi-dan-hebahan/kenyataan-media/

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2026, 30 Ogos). *Ambang pengecualian pelaksanaan e-Invois dinaikkan* (Kenyataan media No. HASiL/2026/08/30–44). https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/20260830-Kenyataan-Media-HASiL_AMBANG-PENGECUALIAN-E_INVOIS-DINAIKKAN.pdf

Malaysia External Trade Development Corporation. (2026). *Market Development Grant (MDG)*. https://www.matrade.gov.my/en/export-to-the-world/step-6-financial-assistance/market-development-grant-mdg

Malaysia Productivity Corporation. (2025). *A study of the Gini coefficient dynamics: Analysing the impact of wage inequality among MSMEs on labour productivity growth in Malaysia's labour market*.

Malaysian Investment Development Authority. (2026a, 30 Januari). *MIDA bersedia melaksanakan kerangka kerja insentif berasaskan keberhasilan baharu mulai 1 Mac* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/media-release/mida-stands-ready-to-implement-new-outcome-based-incentive-framework-from-1-march/

Malaysian Investment Development Authority. (2026b, 12 Mac). *MIDA melancarkan sistem digital pusat sehenti bagi permohonan ekspatriat, mengurangkan birokrasi untuk pelabur* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/media-release/mida-launches-one-stop-digital-system-for-expatriate-applications-cutting-red-tape-for-investors/

Malaysian Investment Development Authority. (2026c, 7 Mei). *MIDA memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan rantaian bekalan semikonduktor strategik di bawah JS-SEZ* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/media-release/mida-anchors-malaysia-as-a-strategic-semiconductor-supply-chain-partner-under-johor-singapore-sez/

Malaysian Investment Development Authority. (2026d, 3 Jun). *Pengumuman: Pelaksanaan penuh Sistem Ekspatriat MIDA (MES)* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/media-release/announcement-full-rollout-of-the-mida-expatriate-system-mes/

Malaysian Investment Development Authority. (2026e, 24 Jun). *Program Rantaian Nilai MIDA-GreatAsic memperkukuh ekosistem semikonduktor Malaysia menerusi kerjasama industri strategik* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/media-release/mida-greatasic-value-chain-programme-strengthens-malaysias-semiconductor-ecosystem-through-strategic-industry-collaboration/

Malaysian Investment Development Authority. (2026f, 28 Ogos). *Malaysia meraih RM218.5 bilion pelaburan diluluskan pada separuh pertama 2026, dengan pelaburan domestik sektor pembuatan meningkat 23%* [Siaran media]. https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2026/08/FINAL_1H2026_Investment-Performance_Media-Release_MIDA.pdf

Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023, 27 Julai). *Speech text MADANI economy: Empowering the people*. https://www.pmo.gov.my/en/speeches-en/teks-ucapan-ekonomi-madani-memperkasa-rakyat/

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., & Pengurusan Aset Air Berhad. (2026). *Blue Sukuk*. https://www.mof.gov.my/portal/en/news/speech/launching-of-pengurusan-aset-air-berhad-paab-sustainable-islamic-finance-framework-siff

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia. (2026). *SemiconStart Malaysia*. https://mtdc.com.my/semiconstart/

Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2025). *Kajian dinamik pekali Gini: Menganalisis impak ketidaksamaan gaji dalam kalangan PMKS ke atas pertumbuhan produktiviti buruh dalam pasaran buruh Malaysia*.

Protect Health Corporation. (2026). *Projek — Diagnosis Related Group*. https://protecthealth.com.my/drg/

Sek, S. K. (2017). Impact of oil price changes on domestic price inflation at disaggregated levels: Evidence from linear and nonlinear ARDL modeling. *Energy*, 130, 204–217. https://doi.org/10.1016/j.energy.2017.04.118

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (t.t.). *Insentif cukai bagi memarakkan usaha pembanterasan rasuah*. https://www.sprm.gov.my/index. php?cat=CN&contentid=3469&language=en&page_id=103

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014a). *Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA)/Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE)*. https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-introduces-sustainable-and-responsible-investment-sukuk-framework

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014b). *Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII)*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=9f4e32d3-cb97-4ff5-852a-6cb168a9f936

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2014c). *Rangka Kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI)*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=84491531-2b7e-4362-bafb-83bb33b07416

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2017). *Islamic Fund and Wealth Management Blueprint*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=ae2432a7-a0c7-4221-b262-b170827ae703

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2018). *Skim Geran Sukuk SRI Hijau*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=dbdf1bea-8612-4ead-a171-830b9257f24a

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2019). *SRI Roadmap for the Malaysian Capital Market*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=89dea0ab-f671-4fce-b8e4-437a2606507c

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2020). *Waqf-Featured Fund Framework*. https://www.sc.com.my/development/icm/developmental-initiatives/waqf-featured-fund-framework

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2021). *Pelan Induk Pasaran Modal 2021–2025 (CMP3)*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=99798151-53e6-4809-b9de-6e2f094202b9

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2022a). *Principles-based SRI Taxonomy*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=a0ab5b0d-5d7d-4c66-8638-caec92c209c1

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2022b). *Rangka Kerja Sukuk Berkaitan SRI*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=ac052748-f264-4781-85c6-334ab313005e

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023). *Panduan Penzahiran ESG Ringkas (SEDG)*. https://sedg.capitalmarketsmalaysia.com/wp-content/uploads/2023/10/SEDG-Full-Guide.pdf

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2025). *Bursa Sosial (Social Exchange)*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=da7ab3f3-c642-4a61-8f19-1cbe816c3295

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026a). *Dana Pelaburan Bersama Malaysia (MyCIF)*. https://www.sc.com.my/mycif

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026b, 16 Mac). *MyCIF memperkenalkan Skim Ekonomi Perak baharu dan insentif perkongsian keuntungan dipimpin VC bagi memudah cara akses pembiayaan PMKS* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/mycif-unveils-new-silver-economy-scheme-and-vc-led-profit-sharing-incentive-to-ease-msme-funding-access

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026c). *Pelan Induk Pasaran Modal 2026–2030 (CMP4)*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=5465cb2e-48de-40c7-b05f-9c3f5fc959c8

Sustainable Finance Platform. (2017). *Green Sukuk*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=1316fd32-1993-44cb-9669-5d5687adda35

Talent Corporation Malaysia. (2026). *Memperkenalkan Dasar Latihan Industri 1:3*. https://www.talentcorp.com.my/1to3policy/

Transparency International. (2026). *Corruption perceptions index 2025*. https://www.transparency.org/en/cpi/2025

United Nations Development Programme. (2025). *Human development report 2025: Human development index and its components* [Table 1]. https://hdr.undp.org/sites/default/files/2025_HDR/HDR25_Statistical_Annex_HDI_Table.pdf

World Bank. (n.d.). *World development indicators* [Data set]. Retrieved September 29, 2026, from https://databank.worldbank.org/source/world-development-indicators

World Bank. (2026). *Malaysia economic monitor: Raising the ceiling, raising the floor—The jobs agenda as a productivity agenda for Malaysia*. https://documents.worldbank.org/en/publication/documentsreports/documentdetail/099051226192580550

Yayasan MySDG, & Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2022). *Yayasan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (Yayasan MySDG)*. https://www.mysdg.com.my/